ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SATU lagi matlamat kita ialah, ke arah meningkatkan taraf hidup melalui pelbagai projek dan program pembangunan, terutama yang melibatkan sosioekonomi." - Titah sempena di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-empat Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Baru Dewan Majlis di Jalan Kebangsaan pada 27 Safar 1429 / 4 Mac 2008.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESIAPA yang mengerjakan amal soleh mula faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya." - (Surah Fush Shilat, ayat 46).

TAHUN 55 | BILANGAN 46 | 26 جمادى الأخير 1431 | 9 JUN 2010 | Pelita Online Harian : http://www.pelitabrunei.gov.bn | Emel : pelitabrunei@information.gov.bn | Hotline : 2383941 Faksimile : 2381004 | EDISI RABU | PERCUMA


## Memastikan kerajaan berfungsi dengan berkesan

# Jalinan akrab dan kerjasama semua agensi suatu kemestian

### Berkenan menerima mengadap dua isteri Duta Besar negara sahabat

**Oleh : Sahari Akim**
**Foto : Masri Osman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri-isteri duta besar kedua-dua buah negara sahabat ke negara ini, berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Republik Rakyat China yang baru berkhidmat ke negara ini, Puan Zhang ZinFeng.

Selepas itu baginda kemudian berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Laos yang baru berkhidmat ke negara ini, Puan Manichanh Phouyavong.

Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 Mei lepas.

Sementara itu Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Laos ke negara ini menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan pada 22 April lepas.

Turut hadir pada kedua-dua Majlis Mengadap itu ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Dayang Hajah Rosnah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Laos yang baru berkhidmat ke negara ini, Puan Manichanh Phouyavong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Republik Rakyat China yang baru berkhidmat ke negara ini, Puan Zhang ZinFeng.

**Oleh : Aryentty Haji Ariffin**

TUTONG, Selasa, 8 Jun. - Jalinan akrab dan kerjasama dengan semua agensi kerajaan itu sebenarnya adalah suatu kemestian untuk memastikan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah kerajaan yang berfungsi dengan berkesan, khidmat dan kepimpinannya dapat dilihat dan dirasakan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menekankan bahawa ianya adalah menepati hasrat *walil amri* kita dalam bernegara dan berkerajaan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Ke muka 24**

### Kibarkan bendera sempena Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Jun. - Jabatan Perdana Menteri memaklumkan kepada orang ramai bahawa bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 Tahun dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat kerajaan dan perniagaan mulai hari Khamis, 1 Julai 2010 sehingga hari Sabtu, 31 Julai 2010.

Dalam hubungan ini, Pengiran-Pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.


'HINDARI JENAYAH KELUARGA BAHAGIA'

Pesanan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei

Talian Kecemasan 993

# Graduan disaran berusaha ke arah pengeluaran produk



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Konvokesyen Ke-19, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pada hari Sabtu, 15 Jamadilakhir 1431 Hijriah / 29 Mei 2010 Masihi.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim**

ALHAMDULILLAHI, Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Aajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin serta limpah rahmat-Nya jua, kita dipertemukan lagi dalam Majlis Konvoksyen Institut Teknologi Brunei (ITB) kali ke-19.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 309 graduan yang akan menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan dalam bidang masing-masing. Tahniah juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah, atas usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam mendidik para graduan dan kepada ibu bapa atas dorongan serta berkat doa sehingga para graduan mencipta sejarah kejayaan pada hari ini.

Dengan kejayaan semua pihak ini, sumber pasaran pekerjaan tempatan akan lebih dimantapkan lagi dengan bertambahnya aset sumber tenaga manusia yang berkemahiran, yang diharapkan untuk dapat menjana pembangunan dan mengembangkan perusahaan-perusahaan alternatif yang berdaya maju, selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu bagi melahirkan sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, taraf kehidupan yang berkualiti tinggi, dengan kedudukan ekonominya yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Paduka Ayahanda sentiasa menekankan peri mustahaknya sektor swasta sebagai jentera perkembangan ekonomi untuk terus berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti perekonomian di negara ini, bagi membuka peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya peranan sektor swasta dalam meningkatkan produktiviti dan kemakmuran negara.

Dalam hubungan ini, saya mengharapkan agar lebih ramai lagi graduan, termasuklah lepasan ITB, yang tampil ke hadapan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya yang berbentuk *technoprenuer*, bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi. Bidang tersebut kita ketahui menawarkan ruang yang begitu luas dan seharusnya diterokai oleh para graduan.

Para graduan hendaklah menanamkan minda yang positif serta mempunyai jati diri yang mantap dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dalam apa jua pilihan serta hala tuju kerjaya masing-masing.

Kerajaan Paduka Ayahanda juga akan terus berusaha, memantapkan dasar dan meningkatkan inisiatif yang menjurus kepada perkembangan keusahawanan yang mapan. Di samping itu, semua pihak di negara ini, sama ada di sektor awam atau pun swasta, hendaklah tidak memandang ringan tanggungjawab untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan tempatan, yang berteraskan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

Dalam pada itu, statistik import komoditi ke negara ini pada tahun 2008 adalah melebihi BND3.6 bilion yang meliputi produk makanan, kimia, jentera dan peralatan kenderaan, bahan binaan asas, produk pasang siap serta bahan nilai tambah lainnya. Di samping itu, kita juga masih bergantung sebahagian besarnya kepada tenaga asing bagi keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir.

Keadaan ini, sepatutnya membuka minda dan meningkatkan lagi semangat patriotisme kita untuk terus berusaha ke arah pembuatan dan pengeluaran produk tempatan berbekalkan keupayaan yang telah dibangunkan selama ini. Sudah sampai masanya untuk negara menghasilkan atau mencipta sesuatu yang mempunyai nilai tambah setempat dengan dukungan dasar yang sentiasa menggalakkan peningkatan hasil pengeluaran produk atau perkhidmatan tempatan.

Ke arah itu, adalah penting usaha yang berterusan dibuat bagi mendidik anak bangsa semata-mata bagi memastikan negara sentiasa memiliki sumber tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang berupaya mendukung agenda pembangunan negara dalam pelbagai bidang termasuklah yang berkaitan dengan pembangunan dalam bidang perekonomian domestik ini.

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab bagi institusi pengajian tinggi di negara ini bagi menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan membina kapasiti ke arah mempelbagaikan lagi penghasilan bahan dan produk tempatan yang merangkumi dari bahan binaan hinggalah ke produk makanan berproses.

Pihak institut patutlah juga menggiatkan penyelidikan produk-produk berpotensi, untuk dikembangmajukan pengusaha-pengusaha tempatan kerana usaha-usaha sedemikian itu, sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan pergantungan kita terhadap bahan import.

Seperti yang difahamkan, ITB telah juga memuatkan perkhidmatan masyarakat sebagai salah satu inisiatif dalam pelan strateginya dengan tujuan membantu mengeratkan lagi hubungan di antara institut dengan masyarakat sekeliling. Adalah diharapkan, para pelajar akan memanfaatkan kesempatan itu dengan sebaik-baiknya, iaitu dengan bersungguh-sungguh melakukan kerja-kerja amal tersebut serta menanamkan sikap pemedulian yang tinggi, di samping menyumbangkan buah fikiran atau mencetuskan pelbagai inovasi yang dapat membantu para pengusaha tempatan dan masyarakat pada umumnya.

Tanggungjawab sosial tersebut adalah merupakan wadah ke arah membina keyakinan diri, serta pendedahan dan pengalaman dalam perihal kepimpinan.

Sesuai dengan peningkatan taraf ITB sebagai sebuah universiti, peranan dan tanggungjawabnya juga setentunya semakin mencabar. Perubahan sikap dan peningkatan usaha di kalangan warga akademik khususnya, merupakan *critical success factor*, ke arah memastikan ITB dapat berkembang dengan pesat dan mampu bersaing dengan universiti luar negeri, khususnya universiti-universiti yang terkemuka.

Ini termasuklah dengan memainkan peranan utamanya untuk mengembangkan aspek intelek, rohani, jasmani dan kemahiran keusahawanan dalam diri para mahasiswa, bagi menjadikan mereka sebagai aset sumber manusia yang seimbang, berkeupayaan serta berani menangani cabaran dengan penuh keyakinan dan bijaksana.

Saya juga ingin mengucapkan syabas atas kejayaan ITB menerima pengambilan pertama siswazah program ijazah tempatan dalam bidang-bidang Kejuteraan, Teknologi Maklumat Perdagangan dan *Internet Computing* pada bulan Julai 2009 yang lalu. Saya percaya kejayaan ini adalah hasil dari usaha gigih dan sokongan padu dari pelbagai pihak di institut ini.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga ITB akan secara berterusan berusaha bagi mencapai visinya untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi dalam kejuteraan, teknologi maklumat dan perdagangan yang ulung di negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

***KE ARAH itu, adalah penting usaha yang berterusan dibuat bagi mendidik anak bangsa semata-mata bagi memastikan negara sentiasa memiliki sumber tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang berupaya mendukung agenda pembangunan negara dalam pelbagai bidang termasuklah yang berkaitan dengan pembangunan dalam bidang perekonomian domestik ini.***


## Sidang Pengarang

**Ketua Penyuntingan**
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Haji Jaafar Haji Ibrahim

**Pemberitaan**
Zabaidah Haji Salat, Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Hezlinawati Haji Abd. Karim, Bolhassan Haji Abu Bakar, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Siti Zuraihah Awang Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Shari Haji Garib, Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Aryentty Haji Ariffin, Nurhidayah Haji Kamis

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit, Yahya Haji Putra, Ramlah Md. Nor, Atikah Mohd. Asyraf, Hajah Sujimawati Mejari, Nurul Hazwani Abu Omar, Siti Faizahanisah Awang Mahani, Siti Noorzaimah Haji Nooralli, Nur Hidayati Haji Haris, Siti Nadieya Haji Rahime, Dk. Aliiyah Majiidah Pg. Haji Ali

**Penyuntingan**
Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

**Penyelaras dan Reka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor, Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain, Haji Ahmad Haji Salim

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad, Hafizatul Atikah Abdullah

**Pereka Letak**
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd. Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree





9 JUN 2010 BERSAMAAN 1431 جمادى الأخير 26

## BRUNEI MAMPU JADI PENGGERAK PASARAN HALAL GLOBAL

NEGARA Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam mampu menjadi penggerak utama produk halal dunia. Dengan kelebihan yang tersendiri, di mana seratus peratus produk makanan negara ini adalah halal, kita merasa optimis di masa mendatang negara berkeupayaan sebagai penggerak utama terkemuka dalam pasaran global. Justeru itu selayaknya pengusaha produk halal di negara ini mengambil peluang dengan meningkatkan pengeluaran makanan halal demi memenuhi permintaan produk-produk halal dunia yang kini meningkat sebanyak USD600 bilion, di mana sektor makanan halal sahaja dianggarkan berjumlah USD150 bilion. Ini ditambah lagi dengan penduduk Islam dunia yang berjumlah 1.8 bilion dan jumlah itu dijangka bertambah 2.9 peratus setahun. Bukan itu sahaja, permintaan dan minat penduduk Islam terhadap produk halal juga terus meningkat mendadak di pasaran antarabangsa dengan jumlah pengguna hampir dua bilion.

Melihat potensi yang amat besar ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terus mengorak langkah ke hadapan dengan memfokuskan produk-produk makanan dan produk-produk halal yang diberikan keutamaan. Salah satu usaha yang besar adalah melancarkan jenama Brunei Halal pada tahun lepas, di mana perkembangan jenama ini semakin positif yang mana banyak pencapaian telah diraih. Penubuhan Perbadanan Makanan Antarabangsa Ghanim (Ghanim International Food Corporation) pada tahun 2009 merupakan satu tanda aras penting yang dibuat bagi projek jenama halal Brunei. Perbadanan ini diberi mandat secara eksklusif oleh kerajaan untuk memasarkan produk-produk jenama Brunei Halal yang kini sedang giat membangunkan pelbagai produk halal dengan menyasarkan sehingga 150 produk halal setahun.

Adalah dijangkakan pada September atau Oktober nanti, barisan produk-produk jenama Brunei Halal akan menembusi pasaran antarabangsa, yang mana pada masa ini sejumlah 48 daripada 150 produk di bawah barisan jenama Brunei Halal telah selesai diaudit. Perbadanan Ghanim akan diberi peranan bagi pengurusan, pemasaran dan promosi produk-produk jenama premium Brunei Halal. Ini memberikan bukti jelas betapa imej Brunei sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai standard dan pengiktirafan halal yang dijamin menyediakan produk-produk yang membawa jenama Brunei Halal akan dikenali sebagai produk yang berkualiti dan diyakini oleh pengguna.

Sebagai komitmen berterusan kerajaan membangunkan produk halal ini, Buku Garis Panduan Brunei Darussalam bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal telah diterbitkan tahun 2010. Penerbitannya sudah tentu merupakan aras penting di dalam inisiatif halal serta industri halal secara keseluruhannya. Ini setentunya juga memberi ruang yang luas kepada mereka yang terlibat dalam industri perubatan dan yang penting membuka jalan bagi penubuhan syarikat-syarikat perubatan halal yang akan menghasilkan produk-produk perubatan yang halal secara tempatan. Kita yakin dengan prospek tumbuh-tumbuhan tempatan yang sangat banyak khasiatnya yang terdapat di negara ini, penghasilan ubat-ubatan halal tetap menjadi kenyataan di masa akan datang. Apa yang penting, sudah tiba masanya bagi mereka yang berminat dalam industri perubatan agar membangunkan secara serius syarikat-syarikat perubatan halal dan seterusnya menghasilkan produk ubat-ubatan halal yang mana adalah diyakini permintaan produk berkenaan di pasaran antarabangsa sangatlah tinggi dan meluas yang meliputi benua Eropah, Asia, Timur Tengah dan ASEAN sendiri. Sememangnya persaingan dalam menghasilkan produk-produk perubatan halal sangatlah tinggi, justeru itu sudah selayaknya orang-orang kitani mengusahakan secara bersungguh-sungguh kerana kerajaan tetap dengan komitmennya memberikan inisiatif dan menyediakan kemudahan-kemudahan pengilangan serta sentiasa membantu memudahkan pasaran ke arena antarabangsa.

Bagi memenuhi hasrat itu juga, kerajaan saban tahun mengadakan Ekspo Produk Halal Antarabangsa yang telah diadakan sejak tahun 2006. Sesungguhnya ekspo berkenaan sesuatu yang menjadi keutamaan kerajaan yang bertindak sebagai platform dalam menjadikan negara ini sebagai pusat halal terkemuka. Bagi tahun 2010 ekspo tersebut bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai komitmen negara kepada pengeluaran dan pengiktirafan makanan halal. Kedua, mempromosikan jenama Brunei Halal, di samping memberikan kesedaran kepada para pengusaha tempatan mengenai produk yang diiktiraf halal oleh pihak berkuasa luar negara dan selain menarik minat syarikat-syarikat luar membuat pelaburan di negara ini.

Kita amat yakin dengan kesungguhan semua pihak ditambah lagi dengan komitmen kerajaan yang berterusan, hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam penggerak utama produk halal akan tercapai dan menjadi realiti. Merealisasikan hasrat murni ini juga memerlukan kesanggupan para pengusaha tempatan untuk melipatgandakan usaha, di samping meningkatkan 'volume' pengeluaran produk-produk makanan halal. **- Ketua Bahagian PELITA BRUNEI.**

# Ekonomi pasaran halal penting bagi Brunei

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

*"NEGARA Brunei Darussalam berusaha untuk mengekalkan nilainilai terasnya ketika negara ini berjuang untuk mempelbagaikan ekonominya selain dari sektor minyak dan gas dan pada masa yang sama memajukan aktiviti ekonomi yang membolehkannya kekal kuat, stabil dan aman damai dalam beberapa dekad akan datang."*

**- Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Jun. - Sektor halal semakin mempunyai kaitan dengan lebih dari hanya projek-projek yang berkaitan dengan makanan ketika pasaran halal secara berterusan semakin matang.

Isu-isu tersebut antara yang dibincangkan secara meluas semasa Persidangan Pasaran Halal Antarabangsa Ke-5 (IHMC Ke-5), berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Berkenan berangkat bagi merasmikan IHMC Ke-5, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Dalam sembah alu-aluannya, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar selaku Pengerusi IHMC Ke-5 berkata, perkembangan pasaran halal merupakan isu penting bagi negara ini.

Negara Brunei Darussalam katanya, berusaha untuk mengekalkan nilai-nilai terasnya ketika negara ini berjuang untuk mempelbagaikan ekonominya selain dari sektor minyak dan gas dan pada masa yang sama memajukan aktiviti ekonomi yang membolehkannya kekal kuat, stabil dan aman damai dalam beberapa dekad akan datang.

"Dalam hal ini, ekonomi pasaran halal merupakan hal yang sangat penting bagi kita di Negara Brunei Darussalam dan ia muncul sebagai salah satu komponen teras dari pembangunan ekonomi dan kepelbagaian itu, pada masa yang sama, selaras dengan status kita sebagai Melayu Islam Beraja (MIB)," terangnya.

Sejurus selepas Majlis Perasmian, Yang Teramat Mulia berkenan melawat Ekspo Produk Halal Antarabangsa yang diadakan di ruang lain ICC.

IHMC Ke-5 bertemakan *'Halal - Dekad Akan Datang - Menilai semula Masa Lalu, Menganalisa Masa Kini dan Melihat Masa Depan'* (*Halal - The Next Decade - Reviewing the Past, Analysing the Present and Glimpsing the Future*) diadakan bagi meneliti semula beberapa perkembangan di sektor halal pada tahun-tahun kebelakangan, di samping menganalisis keadaan pasaran halal ketika ini.

Selain dari itu persidangan seumpamanya juga bertujuan untuk mencuba dan mendapatkan beberapa maklumat tentang bagaimana pasaran tersebut akan berkembang dalam beberapa tahun akan datang.

Selama dua hari IHMC diadakan beberapa tokoh paling inovatif dalam indusri halal dari dalam dan luar negara diundang bagi membentangkan tajuk-tajuk berkaitan dengan syarikat-syarikat makanan yang mendominasi industri halal, di samping perkembangan - perkembangan dalam kewangan, pengembaraan dan pelancongan Islam serta kesedaran media secara *online* dan pengguna.




YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa berangkat ke Persidangan Pasaran Halal Antarabangsa (IHMC) Ke-5, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.





YANG Teramat Mulia semasa melawat pameran IHMC Ke-5, berlangsung di ICC, Berakas.

# Produk-produk halal secara konsisten memenuhi piawaian antarabangsa

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semasa mengurniakan sabda di Majlis Perasmian Persidangan Pasaran Halal Antarabangsa (IHMC) Ke-5.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda agensi-agensi kerajaan di negara ini menerokai bidang-bidang baru bagi memajukan pasaran halal seperti memajukan piawaian halal dalam industri farmasi.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika berkenan merasmikan Persidangan Pasaran Halal Antarabangsa (IHMC) Ke-5 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

YTM bersabda menjelaskan, untuk tujuan itu sebuah buku telah dilancarkan dua hari lalu yang menawarkan garis panduan bagi pengilangan dan pengendalian produk-produk duk, ubat, ubat tradisional dan tambahan kesihatan halal, di samping menyusun garis panduan bagi pengilangan dan pengendalian kosmetik-kosmetik halal.

"Sumbangan ini menandakan komitmen kita terhadap kualiti produk-produk halal dan nilai-nilai Islam yang kuat yang secara konsisten memenuhi piawaian antarabangsa bagi kesihatan dan keselamatan makanan. Mereka melambangkan, insya-Allah, dasar semangat Pensijilan Brunei Halal," sabda YTM.

Secara praktikal sabda YTM, ini bermakna amat penting bagi perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana untuk mendapatkan hubungan strategik dan memasuki perkongsian yang berdaya maju dengan syarikat asing.

"Dengan berbuat demikian, mereka tidak hanya mempelajari amalan terbaik antarabangsa dan pengurusan syarikat yang baik, tapi juga memastikan akses yang lebih baik kepada pasaran halal dan meningkatkan penghargaan antarabangsa kepada produk halal umumnya dan jenama Brunei Halal khususnya," sabda YTM.

Sebab itulah sabda YTM, kerjasama dengan *Ghanim International Foods Corporation* membolehkan promosi dan pemasaran jenama Brunei Halal yang insya-Allah akan menaikkan nama dan nilai-nilainya di seluruh dunia.

YTM juga bersabda Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat percaya bahawa pembangunan dasar-dasar berkaitan, rangka kerja peraturan, program dan infrastruktur akan menyediakan platform bagi perniagaan tempatan untuk berjaya dalam industri baru ini dan memainkan peranan yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi negara ini.

Atas sebab itulah sabda YTM seterusnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedikit masa lagi akan memulakan pembinaan Taman Agro-teknologi Brunei, yang akan termasuk Pusat Sains Halal.

YTM bersabda langkah tersebut jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan mengalu-alukan pelaburan bukan hanya dalam industri pengilangan dan perkhidmatan sokongan, termasuk logistik halal, tetapi juga aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

# Penanaman pokok ke arah promosi aktiviti penghijauan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Jun. - Bagi mempromosikan aktiviti-aktiviti penghijauan di kawasan bangunan-bangunan kerajaan dan pusat-pusat komersial di bawah Kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB), Upacara Penanaman Pokok Sihiji Poplar telah diadakan ke arah menjadikan BSB sebagai bandar dalam taman (*city in the garden*) dan yang mempunyai alam sekitar yang bersih dan bebas daripada pencemaran sejajar dengan matlamat strategik Jabatan Bandaran, BSB.

Kerja-kerja penanaman Pokok Sihiji Poplar disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran BSB, Pengiran Haji Mohammad Ali bin Pengiran Haji Othman selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di kawasan Jabatan Bandaran BSB, di sini.

Penanaman pokok tersebut yang berukuran antara tiga ke empat meter dengan ketinggiannya mencapai 22 meter turut disertai oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran BSB serta wakil-wakil dari Subco Sendirian Berhad.

Menurut Pegawai Pemasaran, Syarikat Subco Sdn. Bhd., Awang Zaini bin Haji Tahir, Pokok Sihiji Poplar adalah pokok yang diklonkan dari Pokok Poplar Amerika dan Poplar Itali dan ianya dipercayai dapat mengatasi ketidakseimbangan ekosistem dan fenomena pemanasan sejagat.

# TYT Chen Wu lawat Ladang Padi Kampung Batong

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Mei. - Naib Gabenor, Wilayah Autonomi Kerajaan Tempatan Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Wu yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini mengadakan lawatan ke Ladang Padi Kampung Batong, di sini.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau kemajuan Projek Kerjasama Perkembangan dan Penyelidikan antara Pemerintah Kota Yulin, Wilayah Autonomi Kerajaan Tempatan Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) Negara Brunei Darussalam.

Mengalu-alukan Tuan Yang Terutama di kawasan ladang padi tersebut Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya dan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Suriyah serta pegawai-pegawai kanan daripada Jabatan Pertanian.

Pada masa ini beberapa pakar dan kakitangan dari Republik Rakyat China khususnya dari



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya dan Naib Gabenor, Wilayah Autonomi Kerajaan Tempatan Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Wu semasa melawat Ladang Padi Kampung Batong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Kota Yulin sedang melakukan kajian di Ladang Padi Kampung Batong sehingga pertengahan bulan Oktober ini bagi mengenal pasti padi yang berkualiti dan bersesuaian di tanam di negara ini.

Terdahulu rombongan Republik Rakyat China itu telah menyusuri Sungai Brunei bagi menyaksikan keindahan serta keunikan Kampung Ayer.

Mengiringi rombongan sepanjang lawatan ke Kampung Ayer ialah Pengarah Kemajuan Pelancongan Brunei, Awang Sheikh Jamaluddin.

Semasa menyusuri Kampung Ayer, rombongan tersebut juga berkesempatan menyaksikan keindahan Istana Nurul Iman selain singgah ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer.

Jumlah pelancong dari Republik Rakyat China yang tiba ke negara ini semakin meningkat dari setahun ke setahun ditambah lagi adanya kemudahan penerbangan *Royal Brunei Airlines* (RBA) terus ke Shanghai yang bermula tahun ini.

# Konsep TPPT Persekutuan Pengakap patut dicontohi

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

BUKIT SAWAT, Ahad, 30 Mei. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya berkata konsep Tanam, Pelihara, Pantau, Tanam (TPPT) yang diterapkan oleh Persekutuan Pengakap di kalangan ahli-ahli muda persekutuan tersebut merupakan satu konsep yang sangat baik dan patut dicontohi oleh mana-mana pihak atau persekutuan lain yang ingin terlibat dengan aktiviti penanaman serta penghijauan.

Yang Berhormat menegaskan, penglibatan golongan generasi muda khasnya pengakap muda dan pengakap remaja dalam aktiviti penanaman dan perkhemahan amat penting kerana dengan menjadikan golongan muda itu sebagai rakan bukan saja setakat memberikan pendedahan secara praktikal kepada mereka mengenai aktiviti penanaman pokok tetapi melalui penglibatan mereka secara langsung akan dapat menyisipkan serta menanam rasa cinta dan sayang terhadap hutan.

"Insya-Allah akan mampu melahirkan generasi pemimpin di masa akan datang yang peka, komited dan lebih bertanggungjawab dalam menanai tugas dan tanggungjawab untuk memastikan sumber hutan di negara ini akan terus diurus dan dijaga secara teratur sesuai dengan konteks pengurusan hutan yang mapan," ungkap Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata demikian semasa melancarkan penanaman pokok fasa kedua sempena Perkemahan Alam Sekitar kali ketiga (PAS 3) bertema '*Harmoni Bersama Kehijauan Alam Sekitar*' bertempat di kawasan projek penanaman pokok Kilometer 12 Kampung Sungai Mau.

Menurut Yang Berhormat, aktiviti penanaman pokok oleh persekutuan tersebut merupakan satu sumbangan kepada ahli-nya yang begitu berharga dalam usaha ke arah mendukung matlamat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama khasnya melalui Jabatan Perhutanan dalam memastikan sumber hutan negara akan terus dijaga dan diurus secara lestari.

Yang Berhormat menambah aktiviti seumpama itu juga selaras dengan usaha kementerian berkenaan ke arah menjayakan pelaksanaan inisiatif Nadi Borneo di negara ini.

Yang Berhormat bangga aktiviti penanaman pokok dilaksanakan atas inisiatif dan kesukarelaan ahli pengakap sendiri.

"Komitmen persekutuan ini bukan hanya terhad kepada mengungkayahkan aktiviti penanaman sahaja tetapi juga diteruskan dengan komitmen untuk menjaga dan memelihara pokok-pokok yang telah ditanam secara berterusan oleh ahli-ahli persekutuan pengakap," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, meskipun kadar penanaman perlahan tetapi kadar kehidupannya tinggi dan memberangsangkan dan pencapaian tersebut patut dicontohi oleh badan atau persekutuan lain yang akan mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok atau penghijauan.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang




MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya menanam pokok di kawasan tanah Kilometer 12 Kampung Sungai Mau.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat sangat mengalu-alukan dan menghargai kegiatan atau aktiviti penanaman seumpama ini kerana kegiatan penghijauan semula kawasan tanah terbiar akan dapat menyumbang kepada pengurangan masalah atau kesan perubahan iklim khususnya Pancaran Rumah Kaca Hijau kepada atmosfera serta mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar secara keseluruhannya.

Ahli Persekutuan tersebut mensasarkan sebanyak 4,200 pokok untuk ditanam di kawasan tapak tanah yang telah disediakan oleh Jabatan Perhutanan dan membekalkan anak-anak pokok untuk ditanam.

Penanaman pokok dibahagikan kepada tujuh peringkat di dalam kawasan tanah seluas empat hektar di Kilometer 12 Kampung Sungai Mau, Jalan Labi-Liang, Mukim Bukit Sawat.

Sebagai galakan kepada ahli-ahli pengakap untuk terus berkhidmat secara sukarela dan mengikuti perkhemahan, persekutuan tersebut telah menyediakan skim anugerah iaitu sijil anugerah gangsa bagi perkhidmatan selama 25 jam, sijil anugerah perak bagi perkhidmatan selama 50 jam, sijil anugerah emas bagi perkhidmatan selama 75 jam, sijil anugerah intan bagi perkhidmatan selama 100 jam dan sijil anugerah platinum bagi perkhidmatan selama 150 jam.

# PKS komponen utama menunjangi kepelbagaian ekonomi



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu semasa diberi penerangan mengenai salah satu produk yang dipamerkan di Majlis Perasmian Pesta Produk Tempatan 2010 bagi Daerah Tutong, bertempat di Tutong *Central Mall.*

TUTONG, Sabtu, 29 Mei. - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah antara komponen utama dalam menunjangi kepelbagaian ekonomi dan ke arah itu, pembangunan berterusan sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan adalah satu asas matlamat kerajaan untuk mencapai tahap pembangunan dan kemajuan ekonomi yang seimbang dan taraf hidup yang lebih tinggi bagi setiap lapisan masyarakat selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu menjelaskan semasa berucap di Majlis Perasmian Pesta Produk Tempatan 2010 bagi Daerah Tutong, bertempat di Tutong *Central Mall*, di sini.

Pasaran domestik di negara ini katanya, adalah terhad dan penting kepada perkembangan PKS untuk menguasai pasaran domestik itu sebagai asas bagi mengukuhkan kewangan dan meningkatkan keupayaan.

Beliau juga menyeru kepada gedung-gedung perniagaan dan peniaga-peniaga khususnya di Daerah Tutong untuk memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan yang padu meningkatkan dan membantu mengembangkan pasaran produk tempatan.

"Pesta Produk Tempatan 2010 ini merupakan salah satu inisiatif ke arah kerjasama di antara sektor kerajaan dan swasta khususnya gedung-gedung perniagaan dan peniaga-peniaga tem-

Berita dan Foto :
Aryentty Haji Ariffin

patan untuk meningkatkan penglihatan (*visibility*) dan kesedaran terhadap produk (*product awareness*) dan bagi meningkatkan perkongsian pasaran (*market share*) produk tempatan di pasaran domestik dan di samping itu juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat umum iaitu penduduk negara ini untuk memberikan keutamaan terhadap produk-produk tempatan yang mempunyai nilai yang sebanding dengan produk-produk dari luar negara dan dengan sokongan itu akan dapat membantu memangkinkan perkembangan pengusaha kecil dan sederhana di negara ini," ujar beliau.

Seterusnya beliau menyatakan rasa bangga kerana ekspo kali ini melibatkan 21 buah PKS tetapi apa yang penting penglibatan Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) dari Daerah Tutong yang menyertai pesta ini antaranya ialah MPK Kiudang, MPK Kupang, MPK Tanjong Maya.

Ianya juga akan dapat menjadi salah satu *venue* untuk memperkenalkan produk-produk di bawah program *Satu Mukim Satu Kampung Satu Produk.*

Pesta tersebut diadakan selama sembilan hari bermula pada 29 Mei sehingga 6 Jun 2010.

# Disentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi genap usia 10 tahun

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

***PEMINDAHAN Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi bertujuan untuk memudahkan lagi orang ramai mendapatkan perkhidmatan kesihatan asasi yang menyeluruh, teratur dan berterusan untuk seluruh keluarga memandangkan setiap pusat kesihatan mempunyai kawasan tampungan tersendiri.***

MUARA, Selasa, 1 Jun. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena memperingati 10 Tahun Disentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Sejurus selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, majlis yang mengambil tempat di Pusat Kesihatan Muara di sini diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, bertahlil dan doa kesyukuran.

Pada hari ini, genaplah sepuluh tahun Perkhidmatan Pesakit Luar berpindah dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke pusat-pusat/klinik-klinik kesihatan di beberapa buah tempat di negara ini.

Pada 1 April 2010, Perkhidmatan Pesakit Luar telah bertukar nama menjadi Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Pemindahan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi bertujuan untuk memudahkan lagi orang ramai mendapatkan perkhidmatan kesihatan asasi yang menyeluruh, teratur dan berterusan untuk seluruh keluarga memandangkan setiap pusat kesihatan mempunyai kawasan tampungan tersendiri.

Juga hadir para pegawai dan kakitangan Kementeriaan Kesihatan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

# AFSN diterima sebagai rakan IFSA

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

JERUDONG, Selasa, 1 Jun. - Rangkaian Kerja Sains Forensik Asia (*Asian Forensic Sciences Network* - AFSN) membuat satu lagi pencapaian dengan diterima sebagai rakan Persekutuan Sains Forensik Antarabangsa (*International Forensic Science Alliance* - IFSA).

Perkara itu diumumkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin ketika merasmikan Mesyuarat Tahunan Ke-2 dan Simposium AFSN, di Grand Hall, Empire Hotel and Country Club, di sini.

Beliau menyatakan, satu Memorandum Persefahaman akan ditandatangani di antara AFSN dengan IFSA semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ini nanti.

Perkembangan itu katanya, menandakan AFSN akan mempunyai kaitan dengan empat lagi rangkaian kerja sains forensik secara global dan dengan penerimaan itu lagi skop bagi perkongsian sains forensik akan lebih meluas dengan peluang-peluang yang berkaitan.

Terdahulu dalam ucapannya beliau menjelaskan jumlah ahli sains forensik dan tahap perkembangan sains forensik di negara ini masih di peringkat awal perkembangan dan memerlukan semua sokongan yang diberikan melalui AFSN dan saluran-saluran seumpamanya.

Peranan dan fungsi penting sains forensik katanya, bukan hanya bagi sistem badan kehakiman tapi perlindungan dan kebajikan orang awam amatlah dihargai dan pihak kementeriannya komited untuk meneruskan fungsi penting yang diberikan.

Di majlis itu satu ceramah khas disampaikan oleh saintis forensik dari *University of New Haven, Connecticut*, Dr. Henry Lee mengenai *'New Advances in Forensic Sciences, Justice Through Science'*.

Menurutnya pihak berkuasa undang-undang kontemporari telah melebarluaskan teknik-teknik dan prosedur-prosedur forensik.

Jenayah-Jenayah hari ini jelasnya sering kali diselesaikan melalui analisis bukti forensik di mana tugas ahli-ahli sains forensik bukan hanya penting dalam siasatan dan pendakwaan jenayah, malahan juga penting dalam litigasi awam, bencana semula jadi dan buatan manusia serta siasatan jenayah global.

***"PERKEMBANGAN itu menandakan AFSN akan mempunyai kaitan dengan empat lagi rangkaian kerja sains forensik secara global dan dengan penerimaan itu lagi skop bagi perkongsian sains forensik akan lebih meluas dengan peluang-peluang yang berkaitan."***

**- Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan**

Namun menurutnya, kejayaan dalam analisis bukti forensik bergantung pada sistem yang menekankan pada kerja berpasukan, dari tempat berlakunya jenayah hingga ke makmal forensik dan ke sistem mahkamah.

Mesyuarat selama tiga hari itu mengandungi sesi mesyuarat kumpulan kerja, mesyuarat agung tahunan, ceramah khas, bengkel, sesi saintifik dan pembentangan kertas kerja.

Lebih 130 peserta menghadiri mesyuarat dan simposium tersebut yang terdiri dari Republik Indonesia, Kemboja, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam, Australia, Austria, Bangladesh, Hong Kong, Jepun Korea, Macau, Republik Rakyat China dan United Kingdom dengan mengundang beberapa penceramah dari Amerika Syarikat, Sepanyol dan Poland.

Manakala Negara Brunei Darussalam pula diwakili oleh para pegawai dari pelbagai kementerian dan jabatan termasuk dari institut pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam semasa memberi ucapan di Mesyuarat Tahunan Ke-2 dan Simposium *Asian Forensic Sciences Network* di Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club.**

# Rokok mengandungi bahan ketagih yang merbahaya

**Oleh : Dk. Nur'Atiqah Pg. Haji Md. Askandar**

JALAN MUARA. - Rokok mengandungi, 4,000 jenis bahan kimia, 400 racun, 40 penyebab penyakit dan kanser, mempunyai kandungan yang menyebabkan ketagihan yang paling merbahaya iaitu Nikotin, Karbon Monoksida dan Tar.

Antara kesan kronik menghisap rokok adalah kanser paru-paru, mulut, leher, perut, pankreas, pundi kencing dan kanser buah pinggang, penyakit jantung, penyakit vaskular seperti darah tinggi, dan kesan yang sering terjadi adalah kekurangan daya ketahanan fisikal (mudah letih), kekurangan stamina, kekurangan peredaran darah di bahagian tangan dan kaki dan sebagainya.

Demikian antara keburukan menghisap rokok yang didedahkan oleh seorang kakitangan Jururawat dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayangku Norzafifah @ Norfadilah binti Pengiran Asamadi semasa menyampaikan taklimatnya mengenai *'Bahaya Tembakau dan Menghisap Rokok'*, berlangsung di Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), pada Isnin, 24 Mei.

Taklimat sebahagian besar menerangkan mengenai fakta tembakau, isi kandungan rokok, bahaya menghisap rokok, kesan menghisap rokok dan cara-cara berhenti merokok.

Menurut Dayangku Norzafifah lagi, setiap minit sepuluh juta rokok yang dijual, tembakau boleh membunuh separuh dari pengguna rokok tersebut dan ianya berisiko enam daripada lapan faktor menuju kepada penyebab kematian di dunia yang mana dalam tahun 2001, 17.5 peratus penduduk di Brunei yang berumur 15 tahun dan ke atas adalah penghisap rokok. Sementara itu golongan perokok terbesar jelasnya adalah yang berumur antara 20-34 tahun.

Di kesempatan ini penceramah turut mengariskan cara untuk berhenti merokok iaitu dengan meminum air sebanyak lapan hingga sepuluh gelas sehari, membuat aktiviti fizikal dengan teratur, menyibukkan diri, memakan sesuatu seperti anggur, kurma, kismis dan bantun profesional di *'Klinik Berhenti Merokok'*.

Taklimat dihadiri oleh lebih 500 penuntut maktab tersebut terdiri daripada penuntut Tahun Sembilan dan Menengah Atas empat.

# Penarikan balik produk *'Nescafe Collections'*

KEMENTERIAN Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa *Nestle*, United Kingdom telah membuat penarikan balik ke atas produk kopi jenama *Nestle* yang berkemungkinan mengandungi serpihan gelas.

Produk yang terbabit ialah *'NESCAFE Collections'*, 100 gram bagi kesemua *batch codes* adalah seperti berikut :

- *Nescafe Alta Rica*
- *Nescafe Alta Rica Decaff*
- *Nescafe Cap Colombie*
- *Nescafe Suraya*
- *Nescafe Expresso*

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan juga membuat pemeriksaan di pasar raya-pasar raya bagi memastikan produk-produk tersebut tidak ada di pasaran dan tidak diimport ke negara ini.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan supaya para pengimport dan peniaga menarik balik produk-produk terbabit (jika ada) dari pasaran dan menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan atau pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah untuk dimusnahkan dan para pengguna yang memiliki produk-produk terbabit untuk mengembalikan (jika ada) ke kedai-kedai yang mana produk tersebut dibeli atau menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan atau pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah.

Kementerian ini juga memaklumkan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 9 ceraian (1) subperenggan (i) Akta (Kesihatan Awam) (Makanan), (Penggal 182) sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan, tidak sesuai untuk makanan manusia boleh dipenjara selama lima tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi :

Bahagian Kawalan Kualiti dan
Keselamatan Makanan,
Pekhidmatan Kesihatan Alam Sekitar,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Delima Dua, Berakas BB2313.

Nombor telefon: 2331100-5 / 8 / 9 / 10,
Nombor Faksmilie : 2331107,
Alamat Emel : fsqc@moh.gov.bn

# Menderma darah sempena penubuhan ABDB ke-49 tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan kempen menderma darah di kesemua perkhemahan dan pangkalan ABDB sebagai salah satu projek kemasyarakatan sempena sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke-49.

Unit-unit yang berpangkalan di Berakas Garison semalam tidak ketinggalan memberikan sokongan kepada kempen tersebut.

Seramai 150 anggota tentera dari Batalion Pertama Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Rejimen Udara Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Skuadron Semboyan Markas Angkatan Bersenjata (MAB) berserta kakitangan awam dari Jabatan Darah Awam terlibat menjayakan kempen tersebut.

Kempen derma darah tersebut bertujuan memberikan sokongan dan keprihatinan kepada masyarakat dalam menyumbang dan menambah simpanan tabung darah negara, di samping menanamkan sifat beramal jariah kalangan anggota tentera dan awam bahawa menderma seunit darah boleh menyelamatkan tiga nyawa.

***KEMPEN derma darah tersebut bertujuan memberikan sokongan dan keprihatinan kepada masyarakat dalam menyumbang dan menambah simpanan tabung darah negara di samping menanamkan sifat beramal jariah di kalangan anggota tentera dan awam bahawa menderma seunit darah boleh menyelamatkan tiga nyawa.***

# Pasaran farmasi bernilai USD500 bilion peringkat global

# BRUNEI

## mampu perluaskan

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor

NEGARA Brunei Darussalam mampu menerajui usaha dalam memperkembangluaskan agenda farmasi halal.

Pada keseluruhannya, industri halal bernilai USD1-2 trilion dan 25 peratus (USD500 bilion) daripada jumlah tersebut adalah dianggarkan bagi pasaran farmasi di peringkat global.

Memandangkan beberapa buah syarikat luar negara yang berminat untuk menceburi bidang pembuatan farmasi halal, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah memperkenalkan sebuah buku Garis Panduan Bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal sebagai menandakan satu lagi tanda aras di dalam inisiatif halal serta industri halal secara keseluruhannya terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam industri perubatan.

Buku Garis Panduan tersebut diperkenalkan baru-baru ini sempena Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2010 (IPHE 2010) yang diadakan di negara ini selama empat hari bermula pada 3 Jun lepas adalah bertepatan untuk dijadikan panduan dan kefahaman berkenaan proses pensijilan yang bersistem yang dilaksanakan oleh Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya garis panduan ini akan dapat meningkatkan perkembangan sektor pengeluaran produk farmasi halal secara global.

Menurut jawatankuasa penganjur, ini akan membuka jalan bagi penubuhan syarikat-syarikat perubatan halal yang akan menghasilkan produk-produk perubatan yang halal secara tempatan.

Dengan memperkenalkan buku demikian akan menambah siri penerbitan buku garis panduan yang telah diterbitkan sebelumnya.

Usaha untuk membukukan garis panduan halal telah dimulakan beberapa tahun lalu yang mana empat buku garis panduan pensijilan halal (Garis Panduan Bagi Pensijilan Halal, Garis Panduan Untuk Audit Pemantauan, Garis Panduan Untuk Pensijilan Juruaudit Pematuhan Halal dan Garis Panduan Untuk Audit Pemantauan Halal) dan Piawaian Brunei Darussalam bagi Makanan Halal (PBD 24:2007) telah diterbitkan pada tahun 2007.

Garis panduan tersebut telah diguna pakai sebagai bahan rujukan oleh pihak-pihak berkenaan seperti *Organisation of Islamis Conference* (OIC) dalam usaha tersebut untuk membentuk OIC *Standard-General Guidelines on Halal Food*.

Kini tiba masanya masyarakat Islam di seluruh dunia amat mengambil berat terhadap isu-isu halal di pelbagai produk termasuk barang makanan, minuman, kosmetik, perkhidmatan dan perubatan.

IPHE 2010 yang diadakan di negara ini telah menjadi satu acara antarabangsa yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh para pengusaha di industri halal.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya, menekankan masyarakat bukan Islam kini juga menerima pembuatan produk-produk halal khususnya pembuatan produk-produk pengguna di mana produk yang diiktiraf halal oleh organisasi yang boleh dipercayai (*credible and reliable organizations*) sentiasa dicari kerana ia dengan mudah mendapat kepercayaan pengguna.




**MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya ketika menyerahkan buku Garis Panduan Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal Brunei Darussalam kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom.**

Garis Panduan bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal Brunei Darussalam diterbitkan bertujuan untuk menangani keperluan bagi pengeluaran dan pengendalian ubat, ubat tradisional dan tambahan kesihatan halal; untuk memenuhi kewajipan fardu kifayah dengan mengadakan produk-produk ubat, ubat tradisional dan tambahan kesihatan halal berada di pasaran; dan dalam pada masa yang sama berusaha ke arah meningkatkan perdagangan dan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Penerbitan garis panduan tersebut bukanlah dihasratkan untuk bertolak ansur (*compromise*) dengan sebarang peraturan yang telah terima pakai oleh Negara Brunei Darussalam seperti *Medicines Control Authority* atau pihak yang berkuasa mengawal ubat-ubat di negara-negara yang berkenaan.

MUIB telah memberikan kebenaran kepada pembentukan dan penerbitan Garis Panduan Bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal (GD 24 :2010) setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum mengenainya.

Seperti lazimnya dalam pembentukan standard dan garis panduan, dua jawatankuasa ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja mewujudkan dan menyiapkan Draf Garis Panduan dan Jawatankuasa Teknikal bagi meneliti draf sebelum ianya dihadapkan ke MUIB untuk mendapat kebenaran menerbitkan dan mengedarkan garis panduan tersebut.

Sementara itu ahli-ahli bagi jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Pertanian dan Argimakanan, Pusat Standard Kebangsaan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan MUIB dan Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan, Badan Kemajuan Ekonomi Brunei dan beberapa orang wakil daripada pihak syarikat swasta yang beroperasi di sektor farmasi.

Skop Garis Panduan Bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal termasuklah mengesyorkan tindakan yang perlu diambil dalam mendapatkan bahan sumber (*starting material*), pembuatan, pembungkusan, pengangkutan dan penyimpanan produk-produk ubat, ubat tradisional dan tambahan kesihatan halal; untuk menggunakan perkataan halal bertepatan dengan Hukum Syarak dalam pensijilan dan pelabelan produk-produk ubat, ubat tradisional dan tambahan kesihatan halal.

Sementara itu, garis panduan tersebut dihasratkan sebagai bahan tambahan kepada *Good Manufacturing Practices* (GMP) yang diiktiraf oleh antarabangsa dari *World Health Organisation* (WHO) dan *Pharmaceutical Inspection Convention* (PIC) dan bukan untuk menggantikan sebarang kandungan mengenainya.

### MENJAMIN

Agenda farmasi halal adalah suatu yang baru, walau bagaimanapun mengikuti peredaran zaman ianya perlu ditangani ke arah menjamin kesejahteraan ummah dalam mendapatkan bahan perubatan yang diiktiraf halal.

Pembentukan Garis Panduan Bagi Pengilangan dan Pengendalian Produk-Produk Ubat, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal adalah sebagai satu sumbangan negara kepada masyarakat antarabangsa khusus dalam memudahkan umat Islam mendapatkan ubatan-ubatan halal.

Ke arah ini, Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB), kehalalan adalah agenda yang penting, di mana terdapat beberapa fokus utama dalam pengeluaran dan pembuatan produk-produk halal di negara ini antaranya, fardu kifayah sebagai satu tanggungjawab dalam menyediakan makanan halal bagi umat Islam, di samping cara bagi mempelbagaikan ekonomi negara serta memajukan lagi perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini.

Ekspo yang berjaya mengumpulkan kira-kira 153 syarikat tempatan dan luar negeri telah dibuka dengan rasminya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita penuh yakin dan percaya Negara Brunei Darussalam sebagai negara Islam mampu dan mempunyai kelebihan untuk menjadi salah sebuah negara penggerak utama terkemuka dalam pasaran halal global.

Pada keseluruhannya, penduduk Islam dunia adalah sekitar 1.8 bilion dan jumlah itu dijangka bertambah 2.9 peratus setahun. Industri halal adalah sebanyak USD600 bilion di mana sektor makanan halal dianggarkan berjumlah USD150 bilion.






**GAMBAR HIASAN ... Peluang-peluang terbuka luas bagi membuka jalan penubuhan syarikat-syarikat perubatan halal yang akan menghasilkan produk-produk perubatan yang halal secara tempatan (kiri dan kanan).**

# Mahasiswa cemerlang terima anugerah

**Oleh : Dk. Nur' Atiqah Pg. Haji Md. Askandar**

GADONG, Sabtu, 29 Mei. - Kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berakhir dengan penyampaian anugerah kepada sepuluh orang mahasiswa terbaik dalam Kursus Bahasa Arab dan sepuluh orang mahasiswa terbaik dalam Kursus Bahasa Inggeris.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para penerima ialah Penolong Rektor UNISSA, Pengiran Anak Dr. Haji Aminuddin Alam Shah, berlangsung di universiti tersebut.

Kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris merupakan kursus yang wajib diikuti khusus kepada pelajar-pelajar yang memohon untuk meneruskan pengajian tinggi di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dikendalikan melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Antara tujuan kursus ialah untuk memahirkan dan memperkukuhkan lagi bakal-bakal mahasiswa UNISSA untuk berbahasa Arab dan Inggeris, di samping memperkenalkan Bahasa Arab Asas kepada para bakal mahasiswa dan mahasiswi UNISSA yang bukan beraliran Arab, di samping sebagai nilai tambah kepada bakal mahasiswa dan mahasiswi UNISSA untuk mempermudahkan mereka dalam mengikuti pengajian di universiti tersebut.



PENOLONG Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pengiran Anak Dr. Haji Aminuddin Alam Shah ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang peserta kursus tersebut. - Foto : Azmah Haji Ahad.

# Persidangan Pendidikan Antarabangsa

**Oleh : Ak. Jefri Pg. Durahman**

TUNGKU, Rabu, 26 Mei.- Persidangan Pendidikan Antarabangsa Ke-15 yang berjalan selama empat hari itu berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta, berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Pensyarah Kanan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB), Dr. Hajah Asmah binti Haji Morni yang juga selaku tetamu majlis.

Persidangan yang bermula pada 24 Mei lalu telah membentangkan sebanyak 94 kertas kerja dari 22 buah negara jemputan, di samping 42 kertas kerja para pembentang tempatan.

Tema Persidangan Pendidikan Ke-15 pada tahun ini yang dikendalikan oleh IPSHB ialah *'Challenging Models, Challenging Minds: Initiating Effective Educational Reform and Development'* antara lainnya bertujuan untuk menghasilkan peningkatan kualiti para guru dan prestasi pelajar dan juga keputusan pendidikan yang lebih tinggi sejajar dengan keputusan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan.



PENSYARAH Kanan di Universiti Brunei Darussalam selaku Setiausaha Bersama ICE 2010 semasa berucap di Majlis Penutup Persidangan ICE Ke-15. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Dengan adanya persidangan seumpama ini yang disertai lebih daripada 22 buah negara jemputan akan dapat memberikan peluang kepada guru tempatan dan luar negara untuk tidak hanya mendapatkan penguasaan kandungan dan kemahiran pedagogis, tetapi juga untuk membangunkan kemahiran komunikasi *interpersonal* dan meningkatkan sempati.

Kajian juga menunjukkan kepimpinan yang baik di peringkat sekolah adalah salah satu keperluan asas bagi mencapai hasrat pendidikan bertaraf dunia.

Program Kepimpinan Sekolah merupakan satu lagi inisiatif kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan UBD.

Ia dihasratkan untuk melahirkan kumpulan pemimpin sekolah yang mempunyai pemandangan jauh dan mampu merangka dengan baik inspirasi kementerian untuk melahirkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia bagi Brunei.

# Pelajar SMSH lawat Pusat Ehsan

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**

BENGKURONG. - Serombongan sebelas pelajar Pra Vokasional dan Guru-guru Pengawas dari Sekolah Menengah Sayyidina Hussain (SMSH) mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkurong pada Isnin, 3 Mei.

Dalam lawatan tersebut rombongan menyaksikan tayangan video mengenai Pusat Ehsan dan seterusnya melawat ke bilik-bilik darjah, woksyop, kebun sayuran hidroponik, kebun orkid dan juga unit terapi untuk menyaksikan sendiri kegiatan-kegiatan kanak-kanak istimewa dalam mengikuti program-program seperti pembelajaran, latihan dan perkhidmatan terapi.

Tujuan lawatan adalah untuk mengetahui lebih dekat lagi mengenai dengan pusat tersebut dan peranannya, di samping mengeratkan jaringan persahabatan antara pelajar-pelajar Pra Vokasional dan guru-guru pengawas dari SMSH dengan insan-insan istimewa di pusat tersebut.

Pada masa ini seramai 121 pelajar telah mendaftarkan diri dengan Pusat Ehsan di Bengkurong untuk menjalani sepuluh jenis program yang berbeza di bawah pengawasan daripada 43 kakitangan pengajar, fisioterapis, ahli terapi, pembantu guru dan terapis. Selain itu 14 pelajar khas juga terdaftar di Pusat Ehsan Kuala Belait.

Di Pusat Ehsan terdapat dua jenis **klas** Pra Vokasional. Pra Vokasional Satu adalah bagi pelajar-pelajar khas berumur 15 tahun ke atas, sama ada yang mengalami cabaran dari segi fizikal dan jua intelektual. Dalam tahap ini mereka diberikan latihan di pelbagai aktiviti dan juga program kemahiran berdasarkan kepada umur mereka.

Pra Vokasional Dua merupakan vokasional bagi pelajar-pelajar berumur 15 hingga ke 40 tahun yang sudah menamatkan program kemahiran mereka dan mencapai peningkatan yang lebih tinggi di dalam berdikari. Mereka ini juga membuat **ke semua** aktiviti-aktiviti dan juga kerja-kerja kemahiran di dalam penyediaan mereka untuk berkerja di luar nanti.

Sejumlah empat orang pelajar berkeperluan khas daripada program ini telah berjaya mendapatkan pekerjaan di hotel-hotel, bank-bank dan juga restoran-restoran.

Pusat Ehsan sentiasa bersedia mengalu-alukan lawatan-lawatan daripada mana-mana pihak sama ada peringkat kanak-kanak ataupun dewasa kerana ianya merupakan salah satu wadah bagi pusat ini untuk menyalurkan maklumat dan memberikan kesedaran serta tanggungjawab untuk sama-sama menangani kebajikan dan hal ehwal insan-insan istimewa di Pusat Ehsan khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya.



BERGAMBAR RAMAI. - Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hussain mengabadikan gambar kenangan semasa mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Ehsan, Kampung Bengkurong. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

# Sekolah swasta juara Pertandingan *eXplomaths*

**Oleh : Aryentty Haji Ariffin**

TUTONG. - Sekolah Awasta St. Andrew muncul sebagai juara Pertandingan, *'The 18th eXplomaths Maths Brain Teaser (Sprint Maths) Top 10 Maths Brain Teaser Written Quiz Winners'*. Kedua, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan ketiga, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (MSOAS).

Pertandingan akhir yang telah diadakan di Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH), di sini dirasmikan oleh Pengetua SMMH, Hadion Lim-Beng Guan pada Isnin, 10 Mei.

*Explomaths* ini merupakan aktiviti berkonsepkan pendidikan dianjurkan oleh Pusat Usaha-Sama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) Kementerian Pendidikan disokong oleh Syarikat Minyak Shell Brunei.

Sebanyak sepuluh buah sekolah yang bertanding terdiri dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara, Sekolah Menengah Chung Hwa BSB, MSOAS, Sekolah Seri Mulia Sarjana, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut; Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong.

Setiap sekolah yang mewakili ke pertandingan itu diwakili empat orang penuntut iaitu dua pelajar Tahun Tujuh dan dua pelajar Tahun Lapan.

Para penuntut yang mewakili sekolah masing-masing akan diberikan tugasan haruslah mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Aktiviti yang berlangsung kira-kira selama dua jam ini memberikan cabaran fizikal dan mental kepada peserta dengan pelbagai ujian dan juga menguji pengetahuan serta minda dalam mata-mata pelajaran matematik.

Antara tujuan *eXplomaths* ini diadakan adalah bagi menanam dan mengembangkan minat penuntut melalui aktiviti dalam menyelesaikan masalah matematik dan pembelajaran konsep dan skil berkaitan matematik di dalam kelas dalam persekitaran sebenar dan supaya penuntut-penuntut dapat menerokai keseronokan dalam matematik selain apa yang mereka telah pelajari di sekolah.

# Guru tunjuk kreativiti hasilkan alat bantu mengajar

**Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

TEMBURONG. - Guru-guru dari sekolah-sekolah rendah di daerah ini berpeluang menunjukkan kreativiti masing-masing dalam menghasilkan alat bantu mengajar (ABM) semasa pameran yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Pekan Bangar, pada Khamis, 20 Mei.

Pameran diadakan sempena Hari Terbuka Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong selama dua hari, bermula 19 hingga 20 Mei bersempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-26.

Program julung-julung kalinya diadakan mempertandingkan projek-projek yang dilakukan oleh sebelas buah sekolah rendah yang terdapat di Daerah Temburong berdasarkan tajuk bagi subjek yang dipilih.

Pertandingan dimenangi oleh Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, manakala tempat kedua disandang oleh Sekolah Rendah Semabat dan Sekolah Rendah Amo menduduki tempat ketiga.

Juga menyertai pameran adalah Jabatan Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong.

Hari terbuka seumpamanya diadakan bertujuan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama kalangan warga pendidik di sekolah-sekolah, di samping mendedahkan inisiatif pihak sekolah kepada ibu bapa murid dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Program seumpamanya juga akan memberikan kesempatan kepada ibu bapa berinteraksi dan berbincang dengan guru-guru mengenai pengajaran dan pembelajaran bagi membantu anak-anak mereka belajar di rumah.

Program bertemakan *'Pengajaran Berkesan Pendidikan Berkualiti'* dianjurkan bersama Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong dengan Jawatankuasa Pemimpin Sekolah Rendah (JASPER) Daerah Temburong.

SEBAHAGIAN murid yang menyaksikan pameran Hari Terbuka Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26 di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Pekan Bangar (kanan). - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.



# Saudara baru terus terima bantuan

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG. - Seramai 45 orang saudara baru dari daerah ini layak diberikan bantuan barang keperluan harian asasi, di mana setiap penerima akan diberikan bantuan mengikut kadar had yang ditentukan dalam tempoh setahun bermula April 2010.

Sehubungan dengan itu, satu majlis penyerahan bantuan kepada penerima telah dilangsungkan di Pejabat Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pejabat Hal Ehwal Ugama, di sini, yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Mahdi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, pada 4 Mei lalu.

Ketua Bahagian Da'wah Daerah Tutong, Awang Alizan bin Haji Ramle menjelaskan tujuan pemberian bantuan ini adalah antara lain bagi membantu saudara-saudara baru yang kurang bernasib baik supaya mereka dapat pembelaan yang selayaknya.

Ini juga, katanya menunjukkan sebagai bukti bahawa mereka tidak disisihkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui PDI yang sentiasa menghulurkan apa-apa jua bantuan.

Secara tidak langsung bantuan ini, tambah beliau akan dapat mengukuhkan lagi akidah saudara-saudara baru dalam pegangan beragama dan juga merupakan satu usaha bagi menarik lebih ramai orang untuk memeluk agama Islam iaitu dakwah secara Bil Hal.

"Dengan bantuan ini, diharapkan kepada saudara-saudara baru akan dapat memanfaatkan bantuan ini dengan sebaik-baiknya, dengan cara begitu kita akan dapat merasa syukur kerana kita telah diberikan rezeki oleh Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya.

Semasa ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI, salah seorang penerima bantuan, Awang Muhd. Jasni bin Muhd. Hassan @ Josnany bin Bolhassan dari Kampung Batang Mitus, melahirkan rasa gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Paduka Baginda Sultan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi kerajaan yang berkenaan kerana telah memberikan bantuan kepada beliau.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Mahdi semasa menyampaikan hamper kepada seorang penerima bantuan.

> **"DENGAN bantuan ini, diharapkan kepada saudara-saudara baru akan dapat memanfaatkan bantuan ini dengan sebaik-baiknya, dengan cara begitu kita akan dapat merasa syukur kerana kita telah diberikan rezeki oleh Allah Subhanahu Wata'ala."**
>
> **- Ketua Bahagian Da'wah Daerah Tutong, Awang Alizan bin Haji Ramle**

# Pengajaran agama Islam komponen Program Pembangunan Diri

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

SALAMBIGAR. - Pengajaran agama Islam di Pusat Pembangunan Belia (PPB) adalah merupakan salah satu dari komponen dalam Program Pembangunan Diri para peserta di pusat tersebut.

Dari awal penubuhan PPB, penekanan terhadap pengetahuan agama Islam di kalangan belia di pusat itu tidak diabaikan kerana melalui pengetahuan agama Islam secara tidak langsung akan membentuk peribadi serta syahsiah yang positif di kalangan belia.

Ketua PPB, Dayang Hajah Fatimah binti Pehin Penyurat Haji Awang Mohd. Salleh menyatakan demikian semasa berucap selaku Pengerusi Majlis Meraikan Pengislaman Sempena Menyambut Awal Tahun Hijriah 1431, berlangsung di Dewan Binadiri, PPB, pada 8 Mei lalu.

Terdahulu beliau berkata, sehingga ke hari ini, seramai tujuh warga PPB telah menerima hidayah dan inayah dengan menyatakan keinginan mereka untuk memeluk agama Islam dan dari jumlah tersebut lima daripadanya adalah pelatih dan lepasan PPB.

"Ini bermakna, pengajaran agama Islam serta pengungkayahan aktiviti-aktiviti serta kegiatan-kegiatan keagamaan di PPB banyak memberikan kesan positif bukan sahaja kepada para peserta yang beragama Islam tetapi kepada para peserta yang bukan beragama Islam," jelasnya.

Beliau menambah, para peserta di pusat itu juga diajarkan kesempurnaan dalam melaksanakan sembahyang lima waktu, pelajaran menghafaz dan membaca ayat suci Al-Qur'an, dikir, nasyid dan ceramah-ceramah agama.

Selain katanya termasuk mensyiarkan hari-hari kebesaran Islam dengan aktiviti-aktiviti yang berguna bagi mengembangkan syiar Islam, seperti tahlil setiap minggu, sembahyang tarawih dan bertadarus serta qiamulail semasa bulan Ramadan dengan dibantu oleh guru-guru agama terlatih dari Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Acara diteruskan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dan seterusnya menabur bunga rampai kepada dua peserta PPB yang diraikan oleh Pemangku Penolong Pengarah JPI, Dayang Siti Mariam binti Daud selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir pada majlis itu, Rakan Strategik, pegawai-pegawai dan kakitangan serta para peserta PPB.

Pada majlis itu, *slide* profil dua peserta yang diraikan iaitu Dayang Rabillah binti Harith yang memeluk Islam pada 26 Disember 2009 dan Awang Muhammad Nurshaqeel Jerry Joe bin Jasni Nasmin Abdullah Ghani yang telah memeluk Islam pada 14 April 2010 lepas juga ditayangkan.



PEMANGKU Penolong Pengarah Pengajian Islam, Dayang Siti Mariam binti Daud semasa menabur bunga rampai di Majlis Meraikan Pengislaman Penuntut Pusat Pembangunan Belia. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

# Dua saudara baru TDDB diraikan



TIMBALAN Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Kolonel Pengiran Zulkifli bin Pengiran Ismail semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

TUTONG. - Pengislaman dua orang saudara baru anggota Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) telah diraikan di Surau Pengiran Ratna Indera, Perkhemahan Tutong, pada 14 Mei lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Pemerintah TDDB, Kolonel Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail.

Saudara baru yang diraikan ialah 14661 Soldadu Awang Muhammad Khairul Ikhwan bin Abdullah dari Polis Pasukan Batalion Kedua TDDB dan 18614 Soldadu Awang Mohammad Airol Hakimi bin Abdullah dari Kompeni C Batalion Kedua TDDB.

Majlis diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh 18559 Pegawai Kadet, Awang Abdul Mujib bin Japa, Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah, bacaan Dikir Marhaban, penyampaian cenderahati kepada anggota yang diraikan dan bacaan doa kesyukuran.

Majlis Kesyukuran yang lazimnya diadakan bagi meraikan saudara-saudara baru pegawai dan anggota ABDB itu bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan lagi syiar agama Islam di kalangan pegawai-pegawai serta warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Selain itu ianya juga diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi silaturahim sesama warga ABDB khususnya yang baru memeluk agama Islam, di samping menzahirkan rasa penghargaan yang tulus dari pegawai-pegawai serta anggota-anggota ABDB atas hidayah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada saudara baru.

> ***MAJLIS Kesyukuran diharap akan dapat mengukuhkan lagi silaturahim sesama warga ABDB khususnya yang baru memeluk agama Islam, di samping menzahirkan rasa penghargaan yang tulus dari pegawai-pegawai serta anggota-anggota ABDB atas hidayah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada saudara baru.***

Pada tahun ini seramai tujuh orang anggota ABDB telah dicatatkan memeluk agama Islam yang terdiri daripada TDDB seramai empat anggota, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) satu anggota, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) seramai dua anggota dan satu anggota dari Pasukan Polis Tentera ABDB.

# Menggalakkan berjinak dengan hafalan Al-Qur'an

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Mei. - Seramai 24 pelajar perempuan dari Kelas Muqaddam dan Al-Qur'an Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah terpilih memasuki Peraduan Menghafaz Surah-surah dan Doa-doa Pilihan Peringkat Akhir, berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Johan Kategori D bagi pelajar berumur 13 hingga 17 tahun ialah Dayang Fatin Syahirah binti Haji Yusof, di tempat kedua, Dayang Nur Lailawati binti Haji Md. Yusof dan tempat ketiga, Dayang Siti Halimatus Sa'adiah binti Salim.

Kategori C bagi pelajar berumur sepuluh hingga 12 tahun, johan disandang oleh Dayang Nur Kamaliah binti Md. Ridzuan diikuti di tempat kedua, Dayang Aqilah binti Md. Muhibuddin dan tempat ketiga, Dayang Nur Khairiyah Mumtazah binti Haji Shari.

Sementara itu, Dayang Salwa Wajihah binti Md. Wajeeh muncul johan dalam Kategori B bagi pelajar berumur enam hingga sembilan tahun diikuti Dayang Nazariah binti Jumat di tempat kedua dan Dayang Nurul Tsaqifah binti Sufri di tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori Pelajar Kelas Bimbingan Agama, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Nuramni Nazifa binti Haji Alinor diikuti di tempat kedua Dayang Siti Aisyah binti Haji Ibrahim dan Dayang Nurul Zannah binti Abdullah Md. Shahrum di tempat ketiga.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta, Penghulu Mukim Gadong B, Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Safar.

Peraduan tersebut bertujuan menggalakkan para pelajar Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah berjinak-jinak dengan hafalan Al-Qur'an selain merupakan antara program tahunan takmir masjid berkenaan.



PENGHULU Mukim Gadong B, Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Safar ketika menyampaikan hadiah kepada seorang peserta. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

# PDB hadiri Persidangan ASEANAPOL

KEMBOJA, Jumaat, 28 Mei. - Sejumlah 300 orang yang mewakili sepuluh pasukan Polis ASEAN, lima rakan dialog, perwakilan dari interpol dan beberapa agensi Kerajaan Kemboja menghadiri Persidangan Ke-30 Ketua-Ketua Polis ASEAN (ASEANAPOL) berlangsung dari 24 hingga 28 Mei lepas di Hotel Intercontinental Phnom Penh.

Delegasi Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ke persidangan tersebut diketuai oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani.

Persidangan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kemboja, Tuan Yang Terutama SAR KHENG dan mesyuarat dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Jeneral Kebangsaan Polis Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Polis NETH SAVOEUN.

Persidangan berlangsung secara terbuka dalam suasana membina dengan dua sesi plenari, ketua delegasi mengadakan perbincangan bersama rakan dialog dan beberapa perbincangan termasuk perbincangan kumpulan kerja.

Semasa perbincangan pesuruhjaya setiap negara ahli memberikan laporan yang berkaitan sokongan tertentu di bidang jenayah.

Jawatankuasa 'A' membincangkan isu dadah, keganasan, penyeludupan senjata, penyeludupan manusia dan maratim.

Jawatankuasa 'B' membincangkan fokus jenayah perdagangan, penipuan bank, kad kredit, jenayah siber, dan dokumen perjalanan manakala Jawatankuasa 'C' membincangkan bidang elektronik ASEANAPOL *database* sistem dan sebagainya.

Para ketua delegasi ASEANAPOL juga bertukar pandangan melalui pencapaian yang dicapai dan memfokus beberapa isu lain.

Dialog *partner* ASEANAPOL mengharapkan meneruskan kerjasama dengan ahli ASEAN bagi melaksanakan beberapa program yang berkaitan ke arah meningkatkan kerjasama di beberapa bidang dan persidangan seterusnya akan dikelolakan oleh Pasukan Polis Laos di Republik Laos.

# Pegawai bomba dinaikkan pangkat

**Oleh : Hajah Roziana Haji Mahmud**



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman menyampaikan tanda pangkat Pegawai Balai kepada seorang penerima di Majlis Penyampaian Tanda Pangkat Bagi Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Balai. - Foto : Ramli Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Mei. - Seramai lapan orang Pegawai Balai, sebelas orang Timbalan Pegawai Balai dan seorang Penolong Pegawai Balai menerima tanda pangkat masing-masing di Majlis Penyampaian Tanda Pangkat Bagi Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Balai di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Pegawai Balai yang dinaikan pangkat ke Penolong Penguasa Bomba bermula 1 Mei 2010 ialah SO Awang Zulkeflee bin Awang Alimas, SO Awang Haji Nordin bin Haji Buntan, SO Awang Hanif bin Haji Suboh, SO Awang Mohammad Shazwan bin Suhaine, SO Awang Nazri bin Haji Anuar, SO Awang Ajahrin bin Mail, SO Awang Noor Aflan bin Awang Kachi dan SO Awang Mohd. Sophian bin Haji Mohd. Yussuff.

Timbalan Pegawai Balai yang dinaikan pangkat ke Pegawai Balai bermula 4 Mei 2010 pula terdiri dari DSO Awang Razali bin Mohammad, DSO Lee Ah Sing, DSO Awang Japar bin Haji Ibrahim, DSO Awang Muhd. Saifuddin bin Abdullah@ Sahpari bin Gantar, DSO Awang Jamaludin bin Ahmad, DSO Awang Lamat bin Haji Lamit, DSO Awang Muhammad Ali bin Hassan, DSO Dayang Rokiah binti Haji Ibrahim, DSO Dayang Rozita binti Haji Mohd. Kamis, DSO Dayang Sureine binti Haji Hassan dan DSO Dayangku Noor Faridahwati binti PSM Pengiran. Anak Omar Alli.

Manakala seorang Penolong Pegawai Balai, ASP Awang Norzaman bin Md. Salleh telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Balai.

Hadir bagi menyampaikan kenaikan tanda pangkat tersebut Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir di Majlis Penyampaian Tanda Pangkat ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) serta Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Guru Agama JBP, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

# MEROKOK DI TEMPAT AWAM

## Dua individu dikompaun

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mei. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Tembakau telah mengenakan denda kompaun ke atas dua individu kerana didapati merokok di tempat awam yang ditegah merokok di bawah Bab 14 Perintah Tembakau 2005.

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai bahawa merokok di tempat-tempat yang ditegah merokok adalah satu kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-Peraturannya 2007.

Sesiapa yang didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND500 (Lima Ratus Ringgit Brunei) atau didakwa di Mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi BND1000 (Seribu Ringgit Brunei).

Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-Peraturannya 2007 telah mula dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam pada 1 Jun 2008.

Perundangan ini mengawal kemasukan, penjualan, pengiklanan dan penggunaan produk tembakau ini dengan tujuan untuk melindungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam daripada kesan-kesan negatif tembakau terhadap kesihatan.

Ini termasuk mencegah kanak-kanak dan remaja daripada merokok serta melindungi mereka yang tidak merokok daripada kesan asap rokok.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain akan terus mempergiatkan penguatkuasaan tindakan undang-undang ke atas mereka yang didapati bersalah di bawah perintah berkenaan.

# Warga asing ditangkap curi kayu gaharu

**Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

KUALA BELAIT, Khamis, 3 Jun. - Tiga lelaki warga asing ditangkap oleh Pasukan Polis Hutan, Bahagian Operasi Pasukan Simpanan Polis 'C' Kompeni dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika sedang menjalankan aktiviti penebangan haram dan pencurian kayu gaharu di kawasan Perhutanan Sungai Kuat, Mukim Sukang Labi.

Tangkapan dibuat semasa pihak berkuasa berkenaan menjalankan rondaan hutan dalam '*Operasi Salimbada siri 16/2010*'.

Tangkapan dibuat dalam tempoh dua hari berturut-turut yang mana seorang suspek ditangkap pada 29 Mei lalu, manakala dua suspek lagi ditangkap pada hari berikutnya.

Ketiga-tiga suspek kini ditahan reman di Penjara Jerudong bagi siasatan lanjut dan beberapa potongan kecil kayu yang dipercayai kayu gaharu dirampas untuk pemeriksaan tafsiran pakar dari Jabatan Perhutanan.

# Dihadapkan ke Mahkamah Majistret BSB

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Mei. - PC4671 Mohammad Erdy Suhardi bin Metussin, seorang anggota polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas satu pertuduhan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah mendapati bahawa, pada 20 April 2009 di sekitar kawasan letak kereta Pasaraya Giant, Kampung Rimba tertuduh dengan secara tidak jujur menerima wang suapan berjumlah BND200 (Dua Ratus Ringgit Brunei) daripada seorang warga tempatan sebagai dorongan supaya tidak mengenakan tindakan ke atas lelaki tersebut atas kesalahan melanggar Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77).

Semasa dihadapkan ke mahkamah, tertuduh mengaku tidak bersalah.

Mahkamah memerintahkan supaya tertuduh dilepaskan dengan ikat jamin berjumlah BND3,000 (Tiga Ribu Ringgit Brunei) atau seorang penjamin tempatan dan menetapkan bulan Julai 2010 sebagai tarikh perbicaraan.

# Kerani didapati bersalah di bawah Kanun Hukuman Jenayah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seorang kerani, Awang Mohd. Murad bin Haji Arip telah didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas dua pertuduhan di bawah Bab 420 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) dan dua pertuduhan di bawah Bab 420 dibaca bersama Bab 511 Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) pada 22 April yang lalu.

Timbalan pendakwaraya, Dayangku. Norsuzanawati binti Pengiran Abas memaklumkan bahawa tertuduh telah menipu dua mangsa dengan memperdayakan kedua mangsa berkenaan untuk mempercayai bahawa beliau boleh memadamkan nama-nama mangsa daripada senarai kakitangan kerajaan yang dibuang kerja yang mana tertuduh mengetahui bahawa perkara tersebut adalah palsu yang menyebabkan kedua mangsa terpedaya dan membuat pembayaran kepada tertuduh berjumlah BND2,250 (Dua Ribu Dua Ratus Lima Puluh Ringgit Brunei).

Tertuduh juga didapati cuba menipu dua mangsa dengan memperdayakan kedua-dua mangsa untuk mempercayai bahawa beliau boleh memadamkan nama-nama mangsa daripada senarai kakitangan kerajaan yang dibuang kerja yang mana tertuduh ketahui ketidakwujudan senarai tersebut dan oleh itu tertuduh telah dengan curangnya cuba mendorong kedua mangsa untuk menyerahkan wang sebanyak BND2,000 (Dua Ribu Ringgit Brunei) dari setiap seorang.

# Denda kompaun kerana merokok di tempat yang ditegah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Unit Penguat Kuasa Bahagian Kawalan Tembakau Kementerian Kesihatan telah mengenakan denda kompaun ke atas seorang penduduk tetap kerana didapati merokok di tempat yang ditegah merokok di bawah Bab 14 Perintah Tembakau 2005 pada Sabtu, 22 Mei.

Lelaki tersebut didapati merokok di kawasan awam di luar sebuah kedai di sebuah pusat komersial di ibu negara dan telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND150 (Seratus Lima Puluh Ringgit Brunei).

Kementerian Kesihatan sekali lagi mengingatkan orang ramai bahawa merokok di tempat-tempat yang ditegah merokok adalah satu kesalahan di bawah Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-peraturannya 2007.

Sesiapa yang didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND500 (Lima Ratus Ringgit Brunei) atau didakwa di mahkamah. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi BND1,000 (Seribu Ringgit Brunei).

Antara kawasan awam yang ditegah merokok termasuklah di kaki-kaki lima kedai dan pusat membeli-belah, pasar-pasar, gerai-gerai tamu, stesen-stesen dan perhentian-perhentian bas, restoran-restoran dan kedai-kedai makan serta bangunan-bangunan kerajaan.










# BERSAMA MENGARKIBKAN REKOD

TIGA keping bentuk poster telah diterbitkan bagi membarigakan beberapa peranan yang dipertanggungjawabkan kepada Arkib Negara Brunei Darussalam. Pembarigaan tersebut adalah bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pengurusan dan pemeliharaan rekod yang diarkibkan dalam pelbagai media termasuk *audio-visual* dan elektronik. Kepentingan ini adalah berasaskan kepada keberkesanan integriti Perkhidmatan Awam, jaminan hak-hak individu serta pendidikan dan penyelidikan. Penerbitan poster-poster berkenaan adalah disempenakan dengan Hari Arkib Antarabangsa yang disambut setiap 9 Jun.

Arkib Negara Brunei Darussalam adalah ahli kepada *International Council on Archives* (ICA) dan *Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives* (SARBICA).

### TEMA HARI ARKIB ANTARABANGSA 2010

***'BERSAMA MENGARKIBKAN REKOD'***

### OBJEKTIF

- Bersama memeriahkan sambutan Hari Arkib Antarabangsa seluruh dunia
- Meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan dan fungsi Arkib Negara Brunei Darussalam
- Mempromo kepentingan pelbagai media rekod dan arkib kepada awam
- Meningkatkan kepentingan memelihara bahan arkib untuk warisan khazanah negara

## Sumbangan : Arkib Negara Brunei Darussalam

### ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Arkib Negara Brunei Darussalam, Jabatan Muzium-Muzium Brunei ditubuhkan pada tahun 1977, berperanan dalam melaksanakan Akta Arkib Negara Brunei Darusslam 1975, Edisi Semakan, 1983, Penggal 116 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Akta ini adalah asas kepada penubuhan, pengurusan arkib dan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang mengawal dalam penggunaan rekod-rekod awam di Negara Brunei Darussalam.

Arkib Negara juga turut terlibat dalam menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kewangan 1983 terutamanya mengenai dengan peruntukan di bawah perenggan 240 mengenai kebenaran pemusnahan rekod-rekod kewangan dan buku kira-kira.

Peranan utama atau *core business* Arkib Negara Brunei Darussalam adalah dalam pengurusan rekod dan arkib. Ianya berperanan dalam menimdah, menyimpan, memulihara rekod awam berbentuk *primary resources* (dokumen, daftar, rakaman dan rekod elektronik) secara kekal dan menyediakan kemudahan bagi rujukan dan penyelidikan.

### MISI

Menjadi Pusat Sumber Maklumat dan Sumber Penyelidikan Negara dalam mengumpul, mengenal pasti dan memelihara rekod-rekod kerajaan dan awam yang mengandungi nilai-nilai sejarah, kebangsaan dan abadi sebagai ristaan untuk generasi dan warga Negara Brunei Darussalam

### PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab Arkib Negara adalah seperti berikut :

(a) Memberi khidmat nasihat kepada kementerian dan jabatan kerajaan dalam mengurus rekod awam secara berkesan dan bersistematik;

(b) Mengesan, mengumpul, menyimpan, memulihara dan memelihara rekod awam (terdiri dari fail-fail rasmi, bahan *cartography* - peta dan pelan, manuskrip dan pentadbiran negara, audio dan video, gambar dan sebagainya yang mempunyai nilai khazanah kenegaraan;

(c) Menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada kementerian / jabatan kerajaan, rakyat dan masyarakat umum ke atas rekod arkib;

(d) Menjalankan program penyelidikan dan pendokumentasian bagi memudahkan pemelihraraan maklumat mengenai warisan khazanah negara; dan

(e) Menyebarkan ilmu dan maklumat bernilai sejarah kenegaraan kepada orang ramai bagi mempertingkatkan semangat patriotrisme dalam bernegara yang berdaulat dan merdeka.

## BAHASA JIWA BANGSA

### ISTILAH PERFILEMAN :

| BAHASA INGGERIS | BAHASA MELAYU |
|---|---|
| board fade | resap habis |
| body frame | bingkai badan |
| boom camera | kamera bum/kamera joran |
| boom down | rendah bum/ rendah joran |
| boom shot | syot bum/ syot joran |
| boom up | tinggi bum/ tinggi joran |
| boomerang effect | kesan bidas |
| boomy sound | bunyi dengung |
| booster station | stesen penyasa |
| bootsrap circuit | litar tali kasut |
| border effect | kesan pinggir |
| bottom flare | cahaya kembang |
| bounce board | papan lantun |
| bounce ligt | cahaya lantun |
| bounce reflection | pantulan lantun |
| box office | filem terlaris |
| braceweight | anjar sangga |
| bracing flat | penyangga |
| bracketing | proses pemilihan |
| break point | takat kalih |
| brightness separation | pengasingan kecerahan |
| brightness control | kawalan kecerahan |
| broad band | jalur lebar |
| broad pulse | denyut lebar |
| bulhorn | corong suara |
| bulk print | salinan pukal |
| burn out | becar |
| burn up (tv/film) | memutih; terbecar |
| burst signal | isyarat letusan |
| bust shot | syot paras dada |
| buthering (film) | rombakan (filem) |
| buzz track | jalur suai bunyi |
| cable compensation circuit | litar gantian kabel |
| cable man | kakitangan kabel |
| calibration | penentukuran |
| cameo light | cahaya kameo |
| cameo role | watak kameo |
| cameo shot | syot kameo |
| camera abscura | kamera abskura |
| camera cam head | kepala aci kamera |
| camera card | kad kamera |
| camera chain | rantaian kamera |
| camera control operator | pengendali kawalan kamera/ operator kawalan kamera |
| camera cue light | lampu isyarat |
| camera grip | pemegang kamera |
| camera horizontal | dataran kamera/ ufuk kamera |
| camera housing | kelompang kamera |
| camera lens | kanta kamera/ lensa kamera |
| camera mixing | pengadunan kamera |
| camera mounting | cagak kamera |
| camera movement | gerakan kamera |
| camera obscura | kamera obskura |
| camera optical | kamera optik |
| camera rehearsal | latihan kamera |
| camera reporting | liputan kamera |
| camera set-up | susunan kamera |
| camera switching | alih kamera |
| camera vertical | tegakan kamera |
| candela | kandela |
| candle power | tenaga lilin |
| canned music | muzik rakaman |
| caption | keterangan/ kapsyen |
| caption scanner | pengimbas keterangan/ pengimbas kapsyen |
| carbon arc lamp | lampu arka karbon |
| cardboard character | watak kadbod |
| caricature | karikatur |
| cast shadow | bayangan tebar |
| cathode ray tube (CRT) | tiub sinar katod |
| C-clamp | pengapit-C |
| cell flash | denyar sel |
| cell side | tepi sel/ sisi sel |
| cellulose acetate | asetat selulosa |
| cement film | filem simen |
| censor title | tajuk tapis |
| censorship board | badan penapis (filem) |
| central character | watak utama |
| change bag | beg gelap/ kampit gelap (tv) |
| change shade (film) | pertukaran senjang |
| channel gain stability | kestabilan penguat saluran |
| character generator | penjana watak |
| character make-up | mekap watak |
| character role | peranan watak |
| character study | kajian watak |
| characteristic curve | keluk cirian |

**Bersambung**

# Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

### PERWIRA

*Perwiraku*
*bukan mudah kerjayamu*
*beban terpikul di bahumu*
*barisan depan tempatmu*
*pertahakan negara bumi kelahiranmu.*

*31 Mei setiap tahun*
*diisytihar bagai ulang tahun*
*tanda merperingati perjuangan*
*menghormati pahlawan negara*
*jasa-jasa dan keringatmu*
*juga pada yang telah tiada*
*menabur bakti setia*
*berkorban pada nusa bangsa.*

*Hijau warna kebanggaan*
*lambang keamanan sejagat*
*segaknya seragam tentera*
*berjaya menjunjung kedaulatan*
*keamanan diperjuang sesama*
*menawan musuh negara*
*maju bergerak pantas*
*hujan panas ribut Katrina*
*mundur jangan sekali*
*pencerobohan dibantrasi*
*bersatu teguh membela pertiwi*
*jadi hero negeri*
*itulah dia perwira kitani.*

### MULUT

*Mulut yang berkata*
*mulut yang berbicara*
*mulut yang memulakan*
*kalimah suci Allah*
*sebaris mukadimah*
*mahupun ayat-ayat cinta.*

*Manisnya bahasa*
*dalam bicara*
*menabur janji segera*
*segunung intan*
*sekawah permata*
*indah terasa*
*namun mulut jua yang*
*mengungkap segala.*

*Awaslah mulut*
*bak secangkir madu*
*mengaburi mata mindamu*
*lahirlah janji-janji palsu*
*penuh muslihat tipu daya.*

*Tiada semuanya begitu*
*ada mulut yang bertutur mulia*
*sopan dalam berkata*
*menyimpan 1,001 rahsia*
*menyimpul senyuman bahgia*
*malu dalam bual bicara.*

*Mulut yang beracun*
*menutur kata pedih terasa*
*menikam menusuk kalbu*
*hingga tiada terdaya*
*menangkis hemburan berbisa.*

*Wahai teman*
*jagalah mulut comelmu*
*hati-hati bila berkata*
*janganlah seumpama bidalan kata*
*kerana pulut santan binasa*
*kerana mulut badan merana.*

**Kurnia Putri**

### LAMA SUDAH MENGANGGUR

*Lama inda tambus-tambus*
*inda lagi mau dilagau, gila bajaur*
*apatah lagi diarik diambau*
*bila disuruh dundung, tidur*
*batangkumus unarnya*
*jawabnya malas tah ku ingau.*

*Palis-palis inda rumpung lilis*
*indaku ta'imat orang macam miani*
*barat punggung, batabiat*
*hidupnya mau untung*
*untungnya lipat tanjas*
*inda mau rugi, bakira.*

*Maunya ginis, bisai*
*orangnya cikar gerini*
*putih piak-piak, melapak*
*kalau inda bausin*
*mulutnya kerimut-kerimut*
*macam lauk opit-opit*
*malalar tia bibirnya*
*melangui kasau macam orang*
*mamalak*
*jalan pun inda lurus*
*kakinya belingkuk*
*malar tejurangkang melanggar bandul*
*sampai matanya kelimpanan, dan*
*maunya bepaong*
*kalau disuruh diberi usin*
*inda lagi taim-taim*
*babayau tia kekadai, bila anjai*
*kurasak-kurasak pokit bajunya*
*kalau bapakaian mesti selili warnanya.*

*Orang lain banyak tapakai*
*pandai batukang rumah, memasang*
*janang, jerajak, kasau, papilis, dan*
*galagar.*

*Lama sudah ia menganggur*
*tabal sudah permohonannya*
*belum lagi berjaya.*

**Hj Mat Noor Matussin @ Sagap**

### CAHAYA IMAN DI KOTA SYDNEY
### (Hijrah seorang wanita)

*Pada satu malam*
*di Kota Sydney*
*di kamar itu*
*dia duduk sendiri.*

*Satu cahaya yang samar-samar*
*menerangi wajahnya*
*dia menggigil*
*air matanya lebat deras mengalir*
*membasahi pipinya*
*dia gementar melihat cahaya itu*
*hatinya berdebar-debar*
*berdegup dengan kencangnya.*

*Di suatu pagi lembaran baru dimulakan*
*dia telah menjadi wanita suci*
*dia telah menjadi Muslimah sejati*
*yang akan sentiasa tunduk bermunajat*
*pada Ilahi.*

*Hijrahnya sudah diyakni*
*hijrahnya sudah direlai*
*dua kalimah Syahadat sudah ditakluki*
*di Kota Sydney menjadi saksi.*

### SI MANIS BERJILBAB
### (Pertemuan di Effil Tower)

*Si Manis berjilbab*
*datang dengan busana jubahnya*
*matanya bulat memancarkan sirnar.*

*Si Manis berjilbab*
*memberi salam kesejahteraan*
*suaranya lembut sungguh menggetarkan.*

*Si Manis berjilbab*
*petah lidah santun bicaranya*
*menyusun kata-kata (Katanya dia*
*tersesat jalan).*

*Si Manis berjilbab*
*menghulurkan wang syiling*
*di tangannya (Katanya tanda*
*persahabatan).*

*Si Manis berjilbab*
*lalu pergi melambaikan tangan*
*mengukir senyuman bukan godaan*
*menghilang dengan sekelip mata*
*entah ke mana?*

**Rani Mahdi**

### MENANTI PENUH DEBARAN

*Di manapun kau berada*
*kaulah pusaka milik bangsa*
*bagai terbenam tetapi begitu ketara*
*apa kau sudah bersedia*
*kau bagaikan pergi sekian lama*
*tapi tiada bekas dan kesannya.*

*Tidakkah berdetik hati dan minda*
*untuk kembali bertaut mesra*
*sanak saudara siap sedia*
*dengan hamparan menadah mesra*
*makan dan minum duduk semeja*
*sedangkan 'bercerai kasih talak tiada'*
*bertahun-tahun dinanti jua.*

*Dari sekarang cubalah fikirkan*
*sesal dahulu suatu pendapatan*
*sesal kemudian terasa pilunya*
*jangan ditunggu bila masanya*
*saat ini pun sudah boleh bermula.*

*Walaupun bukan yatim piatu*
*bagai berlindung menumpang kasih*
*kami selalu sayang-sayangan*
*selalu menjenguk sambil berhibur*
*bagaikan hanya di belakang dapur.*

*Bilakah hasrat dan bila garangan*
*rujuk kembali berbimbing tangan*
*kerana 'bercerai kasih talak tiada'*
*sedangkan duduk tidak beranggang*
*mata juga saling bertentang.*

*Kini kami di dalam penuh ragu*
*menanti gendang yang akan dipalu*
*apakah lagunya cukup merdu*
*atau irama yang menyeramkan bulu*
*yang memerah pilu dan sayu*
*atau hanya terbuku di kalbu.*

*Di sana nanti ada yang menitis air mata*
*ada pula yang ketawa*
*yang menangis penuh kecewa*
*yang ketawa merasa bahagia*
*keduanya berombak beralun sama*
*masing-masing pula berbeza selera*
*mari kita tunggu bila sudahnya.*

**M.S. Sofian**

### BUMI BRUNEI

*Kini usiaku dua puluh empat tahun*
*sejak usiaku di bumi ini*
*pejam cilik mataku di bumi ini*
*membesar di bumi ini*
*kulihat kemajuan terus menyerlah*
*kejayaan makin mantap.*

*Bumi Brunei*
*kini namamu di persada dunia*
*hasil bumi yang kaya*
*kedamaian termasyhur*
*keindahan flora fauna*
*ketenangan kehidupannya.*

*Kami*
*kami pewaris generasi*
*kami mencipta nama*
*pelajaran dan kejayaan*
*harapan benteng pertahanan negara.*

*Di sini kami bertahan*
*di sini kami berjasa*
*di sini kami gembira*
*di sini hidup mati kami*
*di bumi Brunei Darussalam*
*penuh keamanan dan kedamaian.*

**SuRra**

### MENGHORMATI MAJLIS
### (Apa jua acara dikatakan majlis)

*Tidak elok*
*Orang Melayu Brunei*
*memakai baju cara melayu*
*tiada bersongkok.*

*Orang yang menjemput*
*dengan penuh adab*
*menjemput dengan surat*
*jemputan khas bercitak harum*
*dan juga bersopan.*

*Kenapa kita tidak menghormati*
*majlis orang yang menjemput*
*kepada kita?*
*kita datang dengan cara Melayu*
*tiada bersongkok*
*malah menunjukkan kaca matanya*
*diletak di atas kepala*
*sebagai pengganti songkok.*

*Jangan cuba tunjukkan*
*kepada bangsa asing*
*yang kita tak berpakaian lengkap*
*nanti diristakan mereka*
*ke negaranya*
*nanti orang luar tak hormatkan*
*adat kita orang Melayu.*

**Yatim Budiman**

# Penggunaan tenaga efisien kurangkan beban kerajaan



Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli

SETIAUSAHA Tetap (Bahagian Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim semasa melekatkan *sticker* pada sebuah kenderaan (atas), sementara gambar bawah, Setiausaha Tetap (Bahagian Tenaga) di JPM ketika mengagihkan *sticker* kepada seorang penerima.

KUALA BELAIT, Sabtu, 5 Jun. - Setiausaha Tetap (Bahagian Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim menyeru orang ramai untuk melibatkan diri dalam aktiviti penjimatan tenaga dan penggunaan tenaga secara efisien bagi menolong mengurangkan beban kerajaan dan pada masa yang sama menjimatkan perbelanjaan melalui bayaran bil elektrik yang rendah.

Menurut Awang Haji Ismail, pemakaian bekalan elektrik per kapita negara ini tinggi sebanding dengan negara industri seperti Republik Singapura dan Jepun dan potensi untuk mengurangkan tahap pemakaiannya adalah luas.

Beliau menyatakan bahawa hampir seratus peratus rakyat dan penduduk di negara ini telah dapat menikmati bekalan elektrik daripada rangkaian bekalan elektrik negara dan mengikut Agensi Tenaga Antarabangsa pada masa ini terdapat kira-kira 1.5 bilion penduduk dunia yang belum dapat menikmati bekalan elektrik.

Bukan itu sahaja, bekalan elektrik di negara ini juga katanya diberikan pada kadar tarif yang termurah di rantau ini yang telah lama tidak berubah. Untuk itu kerajaan sememangnya semakin memikul beban yang berat memberi subsidi yang tinggi bagi membolehkan tarif serendah itu dikekalkan.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap menjadi tetamu kehormat di Majlis Pengagihan Pelekat Cermin Kereta Hari Tenaga 2010 dan Risalah Tip Penjimatan Tenaga Peringkat Daerah Belait, diadakan di Taman Persiaran di Jalan Sungai Belait.

"Melaksanakan penjimatan dan penggunaan tenaga secara efisien perlulah dilaksanakan secara berterusan dan bukannya bermusim. Bagi kerajaan pula, usaha ke arah membudayakan penjimatan tenaga akan diteruskan sehingga ianya menjadi cara hidup kita semua," jelas beliau.

Dengan melaksanakan penjimatan tenaga tambahnya akan dapat memberi sumbangan ke arah mengurangkan gas karbon dioksida dan gas-gas rumah hijau yang lain yang menjadi punca utama pemanasan global.



Masalah pengeluaran gas karbon dioksida dan gas-gas rumah hijau jelasnya, merupakan antara isu semasa dan global yang terpenting dihadapi dunia pada masa ini dan Negara Brunei Darussalam telah merasakan pengaruh pemanasan global yang membuatkan keadaan cuaca semakin tidak menentu dan banjir kilat dan tanah susur semakin kerap berlaku.

Pada tahun ini Daerah Belait terangnya, sekali lagi akan mencatat sejarah baru sebagai daerah di mana Negara Brunei Darussalam memasuki revolusi hijau dalam penjanaan elektrik dengan projek Tenaga Suria Brunei (TSB) yang akan dijangka siap pembinaannya pada bulan Julai depan.

Menurutnya, apabila ianya siap dibina, projek tersebut yang ditempatkan di Janakuasa Seria itu akan merupakan projek pemasangan *photovoltaic* skala besar yang terbesar di rantau ASEAN dan merupakan jana kuasa gas pertama di negara ini.

"Projek TSB merupakan langkah pertama negara dalam menaikkan sumbangan sumber tenaga alternatif daripada tenaga diperbaharui dan bersih bagi meningkatkan keselamatan tenaga negara. Inisiatif-inisiatif ini selaras dengan visi Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri ke arah masa depan berkekalan melewati minyak dan gas," terangnya.

Beliau menambah, projek tersebut merupakan projek demonstrasi bagi mengenal pasti *panel photovoltaic* yang paling bersesuaian dan serasi dengan keadaan cuaca di negara ini. Dengan kapasitinya sebanyak 1.2 megawatt, ianya akan mampu membekalkan tenaga elektrik kepada lebih kurang 200 buah rumah di kawasan Seria.

Selain itu ianya juga katanya, akan menjimatkan minyak mentah sebanyak 340 kiloliter setahun dan ini bermakna sejumlah 940 tan gas karbon dioksida tidak akan dilepaskan ke atmosfera, yang setentunya mengurangkan pencemaran udara.

Majlis yang dianjurkan oleh Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri bersama Unit Petroleum dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik merupakan jerayawara kedua di daerah ini dan merupakan sebahagian daripada aktiviti bersempena Hari Tenaga 2010.

Jerayawara pengagihan pelekat kereta dan risalah dilaratkan ke Daerah Tutong pada 7 Jun dan ke Daerah Temburong pada hari berikutnya. Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Tenaga setiap 24 Mei dan tema Hari Tenaga pada tahun ini *'Hargai Tenaga Kitani'* masih berslogankan *'Pentingnya Perubahan'*.

# Pantai Persiaran Pengkalan Pinang Penanjong dirasmikan

Berita dan Foto : Shari Haji Garib



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menanam pokok sempena Pantai Penanjong menjadi sebuah Pantai Persiaran.

KAMPUNG PENANJONG, Ahad, 6 Jun. - Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Penanjong (PERDA) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penanjong dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) Cawangan Daerah Tutong telah berjaya merealisasikan hasrat untuk menjadikan Pantai Penanjong menjadi sebuah Pantai Persiaran.

Majlis Pelancaran Pantai persiaran tersebut yang kini dikenali sebagai Pantai Persiaran Pengkalan Pinang Penanjong, Tutong telah diadakan di pantai berkenaan yang juga disempenakan dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2010.

Hadir selaku tetamu kehormat melancarkan pantai persiaran berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Ketua Kampung Penanjong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir dalam ucapannya di majlis ini menjelaskan, hasrat penduduk kampung untuk menjadikan Pantai Penanjong sebagai sebuah pantai persiaran bermula dalam tahun 1998, namun hasrat tersebut musnah apabila sebahagian besar kawasan pantai dan tabingnya rosak akibat dilanda fenomena *Lanina* pada awal tahun 2000.

Pada tahun 2006, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) jelasnya mula membaik pulih kawasan Pantai Penanjong termasuk membina tembok batu pemecah ombak.

Hasrat tersebut katanya akhirnya menjadi kenyataan setelah mengadakan perbincangan dengan Ketua Cawangan JASTRE Daerah Tutong pada bulan April lalu, kerana cadangan tersebut adalah selaras dengan matlamat JASTRE untuk mengadakan taman dan kawasan rekreasi di negara ini.

Menurut Awang Haji Jumat lagi, JASTRE selain menyediakan pondok riadah dan kemudahan yang lain juga bersetuju menyediakan tempat pembuangan dan pengutipan sisa buangan termasuk sampah domestik penduduk kampung secara lebih teratur.

Dalam pada itu PERDA dan MPK katanya, pada masa ini sedang merancang untuk mengusahakan tempat permainan bola pantai, *jogging-track* dan kawasan *rock-climbing* untuk belia-belia yang berminat dalam bidang sukan.

Di kesempatan ini beliau menyarankan para penduduk kampung dan pengunjung akan sama-sama menjaga kebersihan dan keselamatan kemudahan yang disediakan sebagai tanda terima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemangku Timbalan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Martinah binti Haji Tamit yang juga selaku Ketua Cawangan JASTRE Daerah Tutong ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI menjelaskan, projek Pantai Persiaran Pengkalan Pinang Penanjong yang menelan belanja lebih dari BND40 ribu akan siap dalam masa tiga bulan dan merupakan pantai persiaran ketiga di bawah kawalan JASTRE di Daerah Tutong.

Salah satu daripadanya katanya adalah Pantai Persiaran Seri Kenangan yang akan dibina taman permainan termasuk tempat letak kereta dan tempat berjaja yang teratur serta bersistematik dengan peruntukan lebih daripada seratus ribu dan dalam sedikit masa lagi akan dikeluarkan tawaran tender bagi pembinaannya.

Selain itu tambahnya, Taman Rekreasi Sungai Basong yang diambil alih kawalannya oleh JASTRE daripada Jabatan Daerah Tutong pada tahun lepas juga akan dinaikkan taraf dengan membina kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan pada masa ini taman tersebut masih dalam proses permohonan untuk pelupusan bangunan yang telah rosak.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui jabatannya, katanya telah dan akan menyediakan taman rekreasi dengan peruntukan perbelanjaan yang banyak bagi kemudahan orang ramai, malangnya beberapa kemudahan yang disediakan hanya dapat bertahan dalam masa dua tahun kerana dirosakkan oleh orang tidak bertanggungjawab iaitu pemugut.

Dalam hubungan ini pihak beliau, jelasnya, menyambut baik langkah yang dibuat oleh PERDA dan MPK Penanjong (penduduk Kampung Penanjong) dan sesuai untuk dicontohi oleh masyarakat di negara ini, untuk bekerjasama dengan JASTRE bagi membina pantai peranginan dan seterusnya bekerjasama untuk menjaga kebersihan dan keselamatan kemudahan yang disediakan.

Dayang Martinah menyeru orang ramai sebagai pengunjung dan pengguna pantai persiaran dan taman-taman rekreasi di negara ini, untuk sama-sama menjaga kebersihan dan keselamatan kemudahan yang telah disediakan iaitu dengan menanamkan semangat hak milik bersama.

> ***"DALAM hubungan ini pihak JASTRE, menyambut baik langkah yang dibuat oleh PERDA dan MPK Penanjong (penduduk Kampung Penanjong) dan sesuai untuk dicontohi oleh masyarakat di negara ini, untuk bekerjasama dengan JASTRE bagi membina pantai peranginan dan seterusnya bekerjasama untuk menjaga kebersihan dan keselamatan kemudahan yang disediakan."***
>
> **- Pemangku Timbalan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Martinah binti Haji Tamit**

# Muhammad Hakim dari SRSHBA juara Pertandingan Azan Subuh

Berita dan Foto :
Ampuan Siti Kathijah Ampuan Ali Omar

TEMBURONG, Khamis, 3 Jun. - Seramai sebelas peserta lelaki yang menyertai Pertandingan Azan Subuh serta Doanya dan sembilan peserta perempuan yang mengikuti Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim Bagi Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong Ke-22.

Awang Muhammad Hakim bin Muhammad Amin dari Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi (SRSHBA) telah menjuarai Pertandingan Azan Subuh.

Sementara naib johan pula disandang oleh Awang Khairul Danial Haikal bin Khairul Zaidi dari Sekolah Rendah Puni, manakala mendapat tempat ketiga di pegang oleh Awang Malik bin Haji Juang dari Sekolah Rendah Selangan.

Pemenang dari Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Lazim pula, Dayang Syamimi binti Awang Osman dari Sekolah Rendah Puni telah mendapat tempat pertama, manakala Dayang Marhani binti Rahimi dari SRSHBA menyandang naib johan dan tempat ketiga di pegang oleh Dayang Nur Ezzaatunnawwarah binti Muhammad Idaham dari Sekolah Rendah Selangan.

Penyampaian piala dan sijil yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar (SRSHB) Daerah Temburong telah disempurnakan oleh Ketua Kegiatan Luar, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Ali bin Haji Ismail, yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Guru Besar SRSHB, Ampuan Yusnani binti Ampuan Haji Yusof, yang juga selaku Pengerusi majlis telah memberikan sedikit ucapan alu-aluan tentang majlis tersebut.

Beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana SRSHB telah diberikan kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi menjayakan peraduan itu, dan mengucapkan tahniah kepada para pemenang yang berjaya dan kepada yang kurang berjaya supaya akan berusaha lagi pada masa akan datang.

Juga turut hadir penghulu-penghulu mukim, pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, guru-guru besar dan guru-guru sekolah rendah Daerah Temburong serta kakitangan.





KETUA Kegiatan Luar, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Ali bin Haji Ismail semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim Bagi Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Temburong Ke-22 (atas), sementara gambar kanan, Awang Muhammad Hakim bin Muhammad Amin, dari Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, menjuarai Pertandingan Azan Subuh semasa mengumandangkan azan.

# Nasib sebuah keluarga terbela melalui Projek Titian Amal ABDB

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah
Pg. Haji Omaralli



PENERIMA BANTUAN ... Awang Hussin bin Ismail bersama keluarga kini hidup selesa di rumahnya setelah dibaik pulih melalui Projek Titian Amal Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-49.

LUMUT, Jumaat, 4 Jun. - Kehidupan sebuah keluarga yang tinggal di sebuah rumah usang di Kampung Sungai Bakong, Lumut kini terbela dengan mendapat perhatian dan bantuan membaik pulih rumah tersebut daripada pihak kerajaan dan sokongan pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Kerja-kerja membaik pulih rumah kediaman Awang Hussin bin Ismail telah dilaksanakan oleh Platun Rintis Serang Kompeni Memerintah Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) diketuai oleh 409 Mejar Mohd. Zulkarnain bin Haji Abd. Wahab melalui Projek Titian Amal Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-49 pada tahun ini.

Kerja-kerja membaik pulih rumah dua tingkat tersebut bermula pada 7 Mei lalu dan siap keseluruhannya kelmarin, sementara bahan binaan disumbangkan oleh Jabatan Daerah Belait dengan anggaran kos BND8391.50 bagi mengganti sinta dan dinding yang rosak serta mendinding ruang atas, membuat tiga buah bilik tidur, dua kamar mandi, memasang tangga luar dan dalam rumah, memasang pintu dan mengecat keseluruhan luar dan dalam rumah.



RUMAH kediaman Awang Hussin yang terletak di Kampung Sungai Bakong, Lumut kini kelihatan lebih menarik dan cantik setelah dibaik pulih.

Majlis Penyerahan Sijil Projek Titian Amal Membaik Pulih Rumah tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat bersama, Pemerintah TDDB, Kolonel Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Rahman dan Pegawai Daerah Belait, Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba kepada pemilik rumah, Awang Hussin.

Majlis Penyerahan Sijil Projek Titian Amal tersebut menandakan kerja-kerja membaik pulih rumah berkenaan telah selesai dilaksanakan.

Projek Titian Amal merupakan projek tahunan ABDB sempena sambutan ulang tahun angkatan tersebut.

Awang Hussin, 43, tidak mempunyai pekerjaan tetap hanya mengambil upah memotong rumput dengan pendapatan BND65 sebulan, selain itu beliau juga menerima bantuan Baitul Mal melalui wang zakat fakir miskin sebanyak BND1,250 sebulan untuk selama setahun, di samping menangkap ikan bersama kawan-kawannya.

Isterinya, Dayang Rosnah binti Amran, 47, merupakan suri rumah sepenuh masa dan mengalami sakit usus.

Hasil perkahwinan pasangan itu, mereka dikurniakan empat anak yang masih bersekolah dan tinggal bersama mereka serta seorang cucu angkat.

Anak sulong lelaki mereka berusia 15 dan anak kedua juga lelaki berusia 13 tahun menuntut di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, manakala anak ketiga dan keempat perempuan berusia 12 dan sepuluh belajar di Sekolah Rendah Lumut dan cucu angkat mereka, lelaki berusia satu tahun lima bulan.

Ketika ditemui Awang Hussin berkata rumah tersebut berusia lebih 30 tahun sebenarnya milik ayah mertuanya dan beliau serta keluarganya tinggal di rumah tersebut selama 15 tahun.

Rumah yang mempunyai keluasan 0.25 ekar didirikan di atas tanah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

# Menghadiri majlis ilmu mendapat empat kebajikan

Berita dan Foto :
Shari Haji Garib



SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti Usrah Pendekatan Agama iaitu akidah Ahli Sunnah Waljamaah 1 bagi persatuan-persatuan Daerah Tutong anjuran Unit Bimbingan Wanita, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

TUTONG, Jumaat, 4 Jun. - Seramai 21 orang wanita menyertai Usrah Pendekatan Agama iaitu akidah Ahli Sunnah Waljamaah 1 bagi persatuan-persatuan Daerah Tutong anjuran Unit Bimbingan Wanita, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Ketua Unit Bimbingan Wanita, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong dalam ucapan alu-aluannya berkata, kursus itu akan diadakan selama empat kali dalam masa satu bulan iaitu setiap pagi hari Jumaat, bermula 4, 11, 18 dan 25 Jun 2010 bertempat di Bilik Kuliah, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Kursus yang telah dan akan diadakan di keempat-empat daerah itu jelasnya, mempunyai tiga obektif utama iaitu mengukuhkan kefahaman yang betul mengenai Ali Sunnah Waljamaah, memantapkan lagi akidah Ahli Sunnah Waljamaah bagi ahli-ahli persatuan dengan memberikan penerangan dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai asas-asas akidah serta melahirkan kesedaran mengenai ciri-ciri ajaran sesat menurut pandangan Ahli Sunnah Waljamaah supaya tidak mudah terpengaruh dan ter-ikut-ikut dengan akidah dan fahaman yang menyeleweng.

Dayang Hajah Zunainah berharap supaya para peserta kursus akan berbincang jika menghadapi permasalahan yang berbangkit berhubungan dengan kursus yang diikuti dengan menghubungi pegawai-pegawai tenaga pengajar Unit Bimbingan Wanita yang telah diperkenalkan.

Ketika memberikan perangsang kepada para peserta kursus beliau berkata bahawa setiap orang yang menghadiri majlis ilmu secara ikhlas dan dengan niat kerana Allah, menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan meraih empat perkara, iaitu memperolehi sakinah; mendapat rahmat; malaikat duduk sama dan mendoakan orang yang menghadiri majlis ilmu dan yang terakhir, Allah menyebut nama orang yang hadir dalam majlis ilmu.

Kursus tersebut mempunyai sembilan isi kandungan antaranya, Pengertian Akidah, Pengertian Tauhid, Pengertian Iman, Pengertian Islam, Kepentingan Akidah, Ciri-ciri Akidah Yang Kukuh, Siapa Dia Ahli Sunnah Waljamaah dan Dalil Mengenai Ahli Sunnah Waljamaah.

Kursus pertama pada pagi tertumpu mengenai Pengertian Akidah, Tauhid, Iman, Islam dan Kepentingan Akidah yang disampaikan oleh pegawai dari PDI, Awang Haji Anwari bin Rawee.

Para peserta kursus terdiri daripada ahli-ahli Persatuan KESUMA, PESAKA, PERDA, PESATU dan tiga peserta persendirian.

# Tip mencari khusyu' dalam sembahyang

**2. Ketika hendak menunaikan sembahyang lakukan perkara-perkara berikut:**

i) USAHAKAN sembahyang dilakukan secara berjemaah.

Mendirikannya dalam keadaan berjemaah adalah suatu tuntutan. Sembahyang berjemaah itu adalah di antara syi'ar agama.

Selain pahala sembahyang berjemaah itu melebihi sembahyang seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat, ada ulama mengatakan, pada kebiasaannya orang yang sembahyang berjemaah itu memperolehi khusyu' ketika sembahyang dan terselamat daripada perkara yang boleh melalaikannya.

ii) Menghadirkan hati.

Maksudnya ialah sebelum mendirikan sembahyang kosongkan hati dari segala urusan yang boleh mengganggu ataupun yang tidak ada sangkut-paut dengan ibadat sembahyang yang dikerjakan.

Tersebut dalam satu riwayat bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda kepada seorang sahabat bernama 'Utsman bin Thalhah *Radhiallahu 'anhu:*

**Maksudnya**: *"Aku lupa untuk menyuruhmu menutup dua tanduk kibasy (dari pandangan orang). Maka sesungguhnya tidak sepatutnya ada di rumah sesuatu yang mengganggu orang yang sembahyang."* (Hadits riwayat Abu Daud).

Abu Darda' *Radhiallahu 'anhu* berkata: "Antara tanda kefahaman seseorang ialah dia memulai memenuhi keperluannya terlebih dahulu sebelum dia masuk menunaikan sembahyang supaya dia masuk ke dalam sembahyang dalam keadaan hatinya kosong dari perkara yang lain."

iii) Mengingatkan mati dan kemungkinan sembahyang itu yang terakhir sekali dalam hidupnya.

Diriwayatkan daripada Hatim al-Asham *Radhiallahu 'anhu* bahawa ditanyakan kepadanya tentang sembahyangnya, beliau menjawab:

**Maksudnya:** *"Apabila tiba waktu sembahyang aku menyempurnakan wudhu dan aku mendatangi tempat di mana di situ aku hendak mendirikan sembahyang. Lalu aku duduk pada tempat itu sehingga berkumpullah seluruh anggota tubuhku.*

*Kemudian aku berdiri menunaikan sembahyangku dan aku jadikan Ka'bah di antara dua keningku, titian ashshirath di bawah tapak kakiku, Syurga di sebelah kananku, Neraka di sebelah kiriku, malaikat maut di belakangku, aku menyangka sembahyang ini adalah sembahyangku yang terakhir.*

*Kemudian aku berdiri di antara mengharap dan takut, aku bertakbir dengan penuh keyakinan, aku membaca dengan bacaan yang betul, aku ruku' dengan penuh merendahkan diri, aku sujud dengan khusyu', aku duduk atas punggung kiri dan aku bentangkan belakang tapak kaki kiri, aku tegakkan tapak kaki kanan atas ibu jari kaki dan aku ikutkan keikhlasan hati.*

*Kemudian aku tidak tahu sama ada sembahyangku diterima atau tidak?"*

iv) Sebelum mengangkat takbir elok membaca mana-mana zikir yang boleh menjauhkan diri daripada syaitan. Umpamanya seperti berikut:

**. Surah an-Nas:**

**Tafsir-Nya:** *"Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia, yang menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, dari kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam."*

**. Ta'awudz, seperti:**

**Tafsir-Nya:** *"Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepada-Mu dari hasutan syaitan-syaitan dan aku berlindung kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku."*

**. Tahlil:**

**Ertinya:** *"Tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah."*

**. Zikir:**

**Maksudnya:** *"Kami beriman dengan Allah dan Rasul-rasul-Nya."* *(3 X).*

Antara tipu daya syaitan ialah memesongkan atau memalingkan perhatian semasa sembahyang. Caranya ialah dengan memalingkan hati kita dari meneliti dan memahami apa yang sedang kita baca. Dari situ kita akan hilang renungan untuk Hari Akhirat dan keikhlasan ibadat yang dilakukan. Ada kalanya sehingga seorang itu boleh menjadi ragu dan was-was tentang bilangan rakaat yang telah ditunaikannya, adakah sudah cukup atau masih lagi kurang.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda, **maksudnya:** *"Sesungguhnya salah seorang daripada kamu apabila berdiri menunaikan sembahyang syaitan akan mendatanginya, lalu syaitan menimbulkan kesamaran ke atas orang itu sehingga dia tidak tahu berapa rakaat sudah ditunaikannya ..."* (Hadits riwayat Muslim).

***ANTARA tipu daya syaitan ialah memesongkan atau memalingkan perhatian semasa sembahyang. Caranya ialah dengan memalingkan hati kita dari meneliti dan memahami apa yang sedang kita baca. Dari situ kita akan hilang renungan untuk Hari Akhirat dan keikhlasan ibadat yang dilakukan. Adakalanya sehingga seorang itu boleh menjadi ragu dan was-was tentang bilangan rakaat yang telah ditunaikannya, adakah sudah cukup atau masih lagi kurang.***

ارشاد حكوم

IRSYAD HUKUM

جابتن مفتي كراجان

Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn-Fatwa@brunet.bn

**BILANGAN 358**

**BAHAGIAN KEDUA**

**BERSAMBUNG**

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوألن ڤوست دعوه اسلاميه

# Doa satu ibadah

BERDOA ertinya memohon atau meminta sesuatu yang baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani. Doa merupakan satu pengharapan yang dipohon oleh manusia kepada-Nya. Doa memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan umat manusia. Melalui doa manusia akan dapat ketenangan dan berfikiran positif untuk mencapai kejayaan yang memuaskan dan cemerlang dalam apa jua perjuangan dalam kehidupan manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh orang-orang Islam berdoa atau meminta sesuatu kepada-Nya sepertimana firman-Nya dalam Surah Al Mu'minuun ayat 60, tafsir-Nya:

*"Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong dan takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."*

Allah Subhanahu Wata'ala telah menggambarkan di dalam Al-Qur'an bahawa pentingnya berdoa dalam hidup seseorang. Hampir setiap surah di dalamnya ada menyebut perkataan yang ada kaitan dengan doa. Ternyata Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat manusia agar sentiasa meminta pertolongan daripada-Nya.

Ramai manusia yang menghidap penyakit jiwa akibat gagal apabila berhadapan dengan pelbagai ujian kehidupan yang mendatang. Ada yang menderita kerana gagal dalam percintaan, pekerjaan, peperiksaan dan sebagainya. Ada yang merana apabila sebarang perkara yang dihajati tidak tercapai. Ada juga yang sangat bersedih dan hilang arah apabila kehilangan seseorang yang terlalu rapat atau yang sangat dikasihi.

Begitulah perasaan-perasaan sedih dan kecewa yang akan menimpa kepada sesiapa yang tidak mahu menyerahkan dirinya kepada kekuasaan Allah ataupun menyedari bahawa di sebalik kejadian sesuatu itu, di sebaliknya Allah yang mengizinkan ia berlaku.

Seorang sahabat iaitu Sa'ad Abi Waqas pernah meminta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar memberi panduan untuk mendapat doa yang makbul. Imam At-Thabrani telah meriwayatkan daripada Ibnu Abas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud:

*"Wahai Sa'ad, makanlah makanan yang baik (lagi halal) tentu engkau menjadi orang yang makbul doanya. Sesungguhnya seorang yang pernah memasukkan sesuap makanan yang haram ke dalam perutnya, maka tidak akan dikabulkan doanya selama 40 hari. Sesiapa saja yang dagingnya tumbuh dari makanan yang haram maka Nerakalah layak untuknya."*

Agama Islam telah meletakkan doa sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah. Dengan demikian permohonan doa itu hendaklah mematuhi adab-adab tertentu. Menurut Al-Qur'an dan hadis antara adab-adab berdoa itu ialah:

1. Suci dari hadas besar dan kecil.

2. Menghadap ke arah kiblat dan dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah, pujian kepada Allah serta selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

3. Berdoa dengan ikhlas, suara yang perlahan, merendah diri, mengaku kesalahan dosa yang lalu dan yakin Allah akan mengabulkan doa sama ada cepat atau lambat.

4. Berdoa terus-menerus sama ada semasa atau susah dan tanpa putus asa.

5. Tidak melampaui batas ketika berdoa untuk meminta kebinasaan, mengakibatkan keburukan atau menginginkan kejahatan sehingga boleh memutuskan silaturahim, kerosakan harta benda dan kezaliman sesama umat Islam.

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud bahawa Rasulullah Sallalalhu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*"Janganlah kamu sekalian berdoa untuk kebinasaan diri, kebinasaan anak-anak dan janganlah pula berdoa untuk kebinasaan harta benda lebih-lebih lagi jika waktu doa berkebetulan dalam waktu yang mustajab."*

Terdapat tiga golongan yang doa mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala bersandarkan kepada sebuah hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*"Tiga golongan yang tidak pernah ditolak doa mereka iaitu: Pertama, doa orang yang berpuasa; Kedua, doa pemerintah yang adil; dan ketiga, doa orang yang dizalimi, di mana doa-daa mereka terbuka luas dan Allah memberi jaminan doa mereka pasti dipenuhi."*

Sesungguhnya doa orang yang dizalimi dan teraniaya adalah mustajab. Apalagi kalau mereka itu orang-orang yang lemah, tiada kuasa dan orang tua. Semakin lemah mereka, maka semakin besar dan cepat pula pertolongan Allah datang membantu. Dengan sikap berhati-hati ketika berdoa, insya-Allah kita akan jauh daripada melakukan pelbagai bentuk kezaliman, pembohongan, ketidakadilan, fitnah dan penganiayaan dalam keluarga, masyarakat, pertubuhan dan organisasi.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Fush Shilat ayat 46, tafsir-Nya:

*"Sesiapa yang mengerjakan amal soleh mula faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya."*

***SESUNGGUHNYA doa orang yang dizalimi dan teraniaya adalah mustajab. Apalagi kalau mereka itu orang-orang yang lemah, tiada kuasa dan orang tua. Semakin lemah mereka, maka semakin besar dan cepat pula pertolongan Allah datang membantu. Dengan sikap berhati-hati ketika berdoa, insya-Allah kita akan jauh daripada melakukan pelbagai bentuk kezaliman, pembohongan, ketidakadilan, fitnah dan penganiayaan dalam keluarga, masyarakat, pertubuhan dan organisasi.***

***ALLAH Subhanahu Wata'ala telah menggambarkan di dalam Al-Qur'an bahawa pentingnya berdoa dalam hidup seseorang. Hampir setiap surah di dalamnya ada menyebut perkataan yang ada kaitan dengan doa. Ternyata Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat manusia agar sentiasa meminta pertolongan daripada-Nya.***

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
**TAWARANCONSULTANCY SERVICES FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF NEW GERAI ANEKA RIA FOOD STALLS, KG. PERPINDAHAN RIMBA, MUKIM GADONG 'A' DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN JDBM / EOI / 01 / 2010**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Unit Projek, Tingkat 1, Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.**
3. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Bahagian dan alamat diatas atau melalui talian 2380581 ext 126.
4. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:-

**CONSULTANCY SERVICES FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF NEW GERAI ANEKA RIA FOOD STALLS, KG. PERPINDAHAN RIMBA, MUKIM GADONG 'A' DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Tawaran tersebut hendalah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti dibawah:-

Peti Tawaran
Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS 8610,
Negara Brunei Darussalam.

**TIDAK LEWAT HARI SELASA 20 JULAI 2010 , JAM 2.00 PETANG**

6. Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran samada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**JUALAN LELONG SECARA TERBUKA ALAT PERALATAN PEJABAT**

**Tarikh Bermula : 15 Jun 2010**
**Jam : 9.00 pagi - 10.30 pagi**
**Tempat : Di Kawasan Belakang Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**

**Keterangan barang seperti berikut:-**
1. Monitor berbagai jenis - 11 unit
2. CPU berbagai jenis - 11 unit
3. Keyboard berbagai jenis - 10 unit
4. Printer berbagai jenis - 8 unit
5. Mouse berbagai jenis - 11 unit
6. Projector Model : Infocus LP 425Z - 1 unit

**Syarat-Syarat :**
1. BARANG-BARANG yang dilelong bolehlah dilihat ditempat yang disediakan.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai pada hari jualan leleong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat 2 hari dari tarikh jualan tersebut dan jika gagal berbuat demikian akan mengakibatkan pembeliaan dibatalkan dan bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : JPi/1/2010**
**TAJUK :**
**SEAWATER INFILTRATION SYSTEM**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama, Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian Perindustrian Dan
Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar, BB 3910,
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat pada hari Selasa, 29 Jun 2010 jam 2:00 petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

**TAWARAN BAGI :**
**"SEAWATER INFILTRATION SYSTEM"**
**Bilangan Tawaran : JPi/1/2010**
**Tarikh Tutup: 29 Jun 2010**
**Jam Tutup : 2:00 petang**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Program dan Projek Perindustrian, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 Sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; **www.fisheries.gov.bn** dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari bekerja:-

Isnin - Khamis dan Sabtu;
8:00 pagi - 11:30 pagi
1:30 petang - 3:00 petang

5. Yuran sebanyak **B$30.00** bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.
8. Dokumen-Dokumen tawaran boleh didapati mulai 10 Jun 2010.
9. Sessi taklimat Tawaran (Briefing) dan lawatan tapak (Site Visit) bagi tawaran JPi/1/2010 ini akan diadakan seperti berikut:

Pada : 19 Jun 2010 (hari Sabtu)
Jam : 9:00 pagi
Tempat : Tapak Kolam Udang
Fasa III, Sungai Paku,
Telisai, Daerah Tutong.

## PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**
**NOTIS TAWARAN BILANGAN :**
**HMSF/CL/MT/2010**
**PENYEWAAN 18 BUAH KERETA SALOON UNTUK PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**Syarat-Syarat Tawaran:**
1. TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
2. Dokumen tawaran yang berharga $500.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Pejabat Timbalan Pengarah, Penerbangan Kebawah Duli yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **21 Jun 2010**.
3. Syarikat-Syarikat mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
5. Tawaran hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 petang, Isnin, 28 Jun 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang di sediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 120 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan: LTN/4(39/1997).
10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DI BUKAKAN KEPADA PEMBORONG - PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS II, III dan IV, KATEGORI 1 & 2**

Tarikh Tutup Pada : 22 Jun 2010 (Selesa) hingga jam 2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / EMP / T003 / 2010**

**PROPOSED NEW PARKING SPACE AND NEW STALLS AT PANTAI SERI KENANGAN, TUTONG DISTRICT**
**NO. PROJEK :**
**JASTRE / EMP / T003 / 2010**
**JUMLAH YURAN TAWARAN : B$ 30.00**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, **mulai hari Rabu 26 Mei 2010**. Sila layari website Kementerian Kesihatan **www.moh.gov.bn**
2. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah,**
**Kementerian Kesihatan,**
**Commonwealth Drive,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910,**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dengan mengunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa pada 29 Jun 2010**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8:00 PAGI - 10:00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang
Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan, atau Kementerian
Pembangunan, manakala bagi Pemborong /
Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan
(Drug and Medicine) mestilah mempunyai
Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**Tawaran Kecil**

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/25/2010 (PICHR) (SE)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ADULT GASTRO DUODENOVIDEOSCOPE FOR GASTROENTEROLOGY AND HEPATOLOGY UNIT, RIPAS HOSPITAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $10.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/26/2010 (PICHR) (SE)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF GASTROVIDEOSCOPES FOR , AND HEPATOLOGY UNIT, RIPAS HOSPITAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $30.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/27/2010 (PICHR) (SE)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF ICU BED FOR CRITICAL CARE UNIT (ICU), RIPAS HOSPITAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $10.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/28/2010 (PICHR) (SE)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNITS OF OPERATING TABLE COMPLETE WITH ACCESSORIES FOR OPERATING THEATRE, RIPAS HOSPITAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $30.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**TAWARAN BIASA**
**Bilangan Tawaran**
**KK /08/2010 (HTD) (SE)**
**THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND SERBICE MAINTENANCE ONE (1) COMPLETE SYSTEM OF 3.0 TESLA MAGNETIC RESONANCE IMAGING (MRI) MACHINE INCLUDING ROOM RENOVATION FOR THE DEPARTMENT OF RADIOLOGY , RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $500.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**Bilangan Tawaran**
**KK/30/2010 (SMS) (TC)**
**SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL SUNDRIES FOR THREE (3) YEARS (PART 1) (RETENDER FROM KK/45/2007)**
Yuran Tawaran : $500.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**TAWARAN KECIL**

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/21/2010 (SSB)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNITS OF CLINICAL, AUDIOMETER WITH VISUAL REINCFORCEMENT AUDIOMETER FOR ENT DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT**
Yuran Tawaran : $10.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**Bilangan Tawaran**
**KK/TK/24/2010 (PICHR) (SE)**
**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF PATEMET MONITOR WALL MOUNTED FOR SURGICAL INTENSIVE CARE UNIT, RIPAS HOSPITAL, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Yuran Tawaran : $10.00
Tarikh Tutup : 29/6/2010 (Tidak lewat jam 2:00 petang)

**WEBSITE KEMENTERIAN KESIHATAN PADA 26/5/2010**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari Sabtu 22 Mei 2010. Sila layari website Kementerian Kesihatan **www.moh.gov.bn**

2. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah,**
**Kementerian Kesihatan,**
**Commonwealth Drive,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3910,**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dengan mengunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa pada 22 Jun 2010** . Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**

**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan, manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114)

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP tidak lewat jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/02/2010 (ESTET) (SE) | **TO SUPPLY AND INSTALL 100kVA STANDBY GENERATOR FOR BERAKAS 'A' AND BANDAR SERI BEGAWAN HEALTH CENTRES** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas : Kategori : 7a , 7b & 7c | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/03/2010 (ESTET) (SE) | **REPLACEMENT OF WATER PUMPS AND OTHER ASSOCIATED WORKS FOR WATER TOWER AT SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Jabatan Letrik dan Kementerian Kesihatan Kelas : III & Above Kategori : 2 , 4a, 7a & 7b | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/04/2010 (ESTET) (SE) | **SUPPLY AND INSTALL NEW INCINERATOR FOR SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Jabatan Letrik dan Kementerian Kesihatan Kelas : II & III Kategori : 2 , 4a, 5j, 7a & 7b | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/05/2010 (ESTET) (SE) | **REPLACEMENT OF AIR COOLED CHILLER SYSTEM NO: 4 AT PMMPMHAMB HOSPITAL, TUTONG** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas : Kategori : 5j & 7a | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/06/2010 (ESTET) (SE) | **REPLACEMENT OF 9,900 WATER TANK, PMMPMHAMB HOSPITAL, TUTONG** **Pembekal / Pemborong :-** Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas : II & III Kategori : 3a, 4g, 6a, 6c, 6g, 7a, 7b & 7c | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/07/2010 (ESTET) (SE) | **SUPPLY, DELIVERY, OF TWELVE (12) UNIT NEW AMBULANCES FOR MINISTRY OF HEALTH** Pembekal / pemborong: Berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan Kelas : Class A (with workshop facility) | $500.00 | 22/6/2010 |
| KK/29/2010 (ESTET) (SE) | **SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION OF CURTAINS FOR WARD-WARD AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA HOSPITAL, BRUNEI DARUSSALAM** | $100.00 | 22/6/2010 |

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP tidak lewat jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/TK/19/2010 (ESTET) (SE) | **TO SUPPLY AND ISTALL NEW WORKSTATION FOR ADMINISTRATION AND FINANCE SECTION, MINISTRY OF HEALTH** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan | $10.00 | 22/6/2010 |
| KK/TK/20/2010 (ESTET) (SE) | **PROPOSED EXTENSION TO EXISTING STORE BUILDING AT DIALYSIS CENTRE, RIMBA GADONG** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas : II & III Kategori : 2, 4a, 6a, 7a & 7b | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/TK/21/2010 (ESTET) (SE) | **REPLACEMENT OF AIR COOLED DX PACKAGE CHILLER AT SENGKURONG JUBLI HEALTH CENTRE** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan Kelas : Kategori : 5j & 7a | $30.00 | 22/6/2010 |
| KK/TK/22/2010 (ESTET) (SE) | **REPLACEMENT OF MAIN SWITCHBOARD FOR BOILER HOUSE AT SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Jabatan Letrik dan Kementerian Kesihatan Kelas : III & Above Kategori : 7a, 7b & 7c | $10.00 | 22/6/2010 |
| KK/TK/23/2010 (ESTET) (SE) | **TO SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL A NEW INCINERATOR FOR PIHM HOSPITAL, TEMBURONG** Pembekal / Pemborong :- Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Jabatan Letrik dan Kementerian Kesihatan Kelas : II & III Kategori : 2, 4a, 5j, 7a & 7b | $10.00 | 22/6/2010 |

## PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER - PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 05 kerja berikut :

**1. T/036/RBPF-HQ/2010-B**
GENERAL REPAIR & REDECORATION TO MARRIED QUARTER UNIT 1 TO 8 BLOCK B (PWD 494) AT TRAFFIC BATU 3 JALAN MAULANA, KB
**FEE : $ 30.00**

**2. T/037/RBPF-HQ/2010-B**
GENERAL REPAIR & REDECORATION TO MARRIED QUARTER UNIT 1 TO 6 BLOCK A BALAI POLIS SERIA, KB, BRUNEI DARUSSALAM
**FEE : $ 10.00**

**3. T/038/RBPF-HQ/2010-B**
GENERAL REPAIR & REDECORATION TO MARRIED QUARTER UNIT 1 TO 24 BLOCK B BALAI POLIS KUALA BELAIT, BRUNEI DARUSSALAM
**FEE : $ 50.00**

**4. T/039/RBPF-HQ/2010-B**
GENERAL REPAIR & REDECORATION TO MARRIED QUARTER UNIT 1 TO 12 BLOCK F AT LORONG DUA SERIA HOUSING KB, BRUNEI DARUSSALAM
**FEE : $ 30.00**

**5. T/040/RBPF-HQ/2010-B**
GENERAL REPAIR & REDECORATION TO MARRIED QUARTER UNIT 1 TO 12 BLOCK G AT LORONG DUA SERIA HOUSING KB, BRUNEI DARUSSALAM
**FEE : $ 30.00**

1. Dokumen tawaran boleh di perolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik 6, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong** pada waktu bekerja iaitu hari **Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang**, manakala pada hari **Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.**

2. Tawaran - Tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa 6 Julai 2010** :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,**
**Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1,**
**Bangunan Seketeriat,**
**Bandar Seri Begawan BS 8610**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (Tender fee) dikehendaki dibayar dengan WANG TUNAI sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran yuran tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat II, Ibu Pejabat Polis Gadong.

4. Penender - Penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama tawaran.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG - PEMBORONG YANG BERDAFTAR KELAS II DAN III**

**Bilangan Tawaran :**
**KHEU/BDP/LTK/013/2010**
**MENAIKTARAF BANGUNA-BANGUNAN DAN KAWASAN-KAWASAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA - (Kerja-Kerja Pembaikan dan Ubahsuai kepada Bangunan Perumahan Jong Batu dan Lumut Lunting (Fasa III - Flat Lumut Lunting)**

Yuran dokumen : **$50.00** (Tidak dikembalikan)
Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran:
**Jam 2.30 petang, 22 Jun 2010.**
**Tarikh tutup : 29 Jun 2010, jam 2.00 petang.**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen Tawaran) **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari SELASA seperti tarikh yang telah ditetapkan.**

Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
4. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
   a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
   b. **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
   c. **Rekod Perkhidmatan.**
5. Tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatan bagi pemohon yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.
6. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan **tidak akan dilayan.**
7. Bilangan kekosongan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
   • Menelefon 2381961 Sambungan 530/527 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
   • Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
   • Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu **http://www.spa.gov.bn/**
8. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada:

**SETIAUSAHA**
**PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**
**BANGUNAN SPA**
**LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 26 JUN 2010**

**BILANGAN IKLAN : 55/2010/SPA/BMI/38 (A)**

## SENARAI NAMA PEMOHON-PEMOHON SKIM TANAH KURNIA RAKYAT JATI YANG BELUM MENGEMBALIKAN BORANG KEMASKINI DATA KE JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

**NAMA-NAMA pemohon Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) yang dikehendaki untuk menghadirkan diri ke alamat berikut :**

**Bahagian Peruntukan / STKRJ,**
**Tingkat 1, Jabatan Kemajuan Perumahan,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**1. Bagi pemohon yang gagal untuk menghadirkan diri dalam tempoh dua (2) bulan daripada kenyataan ini dikeluarkan maka mereka akan dikira menarik diri daripada mengikuti STKRJ.**

**BIL / NAMA PEMOHON / BIL. K/P & WARNA -/ TAHUN MEMOHON / RUJUKAN FAIL /ALAMAT**

1. DAYANG HAJAH NAMIT BINTI MUMIN 00-012702 K / 1984 / 2706 / NO. 24, SIMPANG 224, KAMPUNG KIARONG, JALAN PASAR GADONG.

2. DAYANG HANIPAH BINTI JULAIHI / 00-111524 K / 2505 P / 1984 / 10550 / FLAT 733-A3, KELAS 'B', SPG. 41-9, JALAN PANDAN 8, KAMPUNG PANDAN, KB.

3. AWANG HAJI SULAIMAN BIN PENGARAH HAJI ABDUL JALIL / 00-053958 K / 1984 / 11086 / NO. 282 - B, SIMPANG. 278, KAMPONG. KOTA BATU BD1517.

4. AWANG AISAH BIN HAJI ABU BAKAR / 00-051026 K / 1988 / 11769 / NO. 35, JALAN 11, SIMPANG. 39, RPN LAMBAK KANAN BC2915.

5. AWANG BAHRIN BIN AWANG HAJI CHUCHU / 00-068982 K / 1988 / 11829 / NO. 45, SIMPANG 74, KAMPUNG MATA-MATA, GADONG BE1718.

6. AWANG MOHD AKBAL BIN MOHD SALLEH / 00-060528 K / 1988 / 11841 / FLAT 20, ROOM 4, JALAN PANTAI BERAKAS.

7. AWANG ABDUL ADHA BIN HAJI LAMZI / 00-111506 K / 1990 / 12166 / NO. 30, LOT. 2201, JALAN NAKHODA MANIS SERIA, KB.

8. AWANG ALI BIN HAJI HUSSIN / 00-110859 K/ 1993 / 13783 / NO. 3, TINGKAT 2, FLAT BOMBA, BSB BS8511.

9. HAJI AWANG CHUCHU BIN AJAK / 00-004061 K / 1993 / 13864 / NO. 25 B-1, KAMPUNG TAMOI TENGAH, BSB BL2112.

10. AWANG NAWAWI BIN HAJI DAMIT / 00-077415 K / 1993 / 13879 / NO. 3, SPG. 391, KAMPUNG LAMBAK KIRI, JALAN BERAKAS BB1314.

11. AWANG HARMADI BIN HAJI MAMIT / 00-122685 K / 06376 A / 1993 / 13919 / NO. 21, SIMPANG 705, KAMPUNG SUNGAI BULOH II, JALAN. SIBANGING MUARA BU1329.

12. AWANG ABD RAHMAN BIN AWANG BESAR / 00-073007 K / 1993 / 14000 / EF 41 NO. 1, RUMAH KERAJAAN, KAMPUNG BERIBI, GADONG BE1118.

13. AWANGG HAJI ROSLAN BIN HAJI IBRAHIM / 00-075914 K / 1993 / 14007 / NO. 22, SPG. 326-36-5, KAMPUNG PERPINDAHAN SERASA.

14. AWANG HAJI ABD. KHALID BIN HAJI MOHAIMIN / 00-067720 K / 1993 / 14045 / NO. 27, SIMPANG 226, JALAN 77, RUMAH TERES, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC2515.

15. DAYANG HASNAH @ HALIMAH BINTI HAJI AHMAD / 00-023963 K / 1993 / 14051/ NO. 25, SIMPANG 94, KAMPUNG BEBATIK KILANAS, BF2520.

16. AWANG SALLEH BIN BISU / 00-110131 K / 04794 A / 1993 / 14059 / NO. 2 KAMPUNG BAKIAU, TUTONG TE1143.

17. AWANG MOHAMAD SHAHFRIN BIN HAJI MD. SHAHLAN / 00-260865 K / 1993 / 14096 / NO. 1456, KAMPUNG LIMAU MANIS, MUKIM PENGKALAN BATU, BH2323.

18. DAYANGKU SITI HADIJAH BINTI PENGIRAN HAJI MOHD. ALI / 00-110815 K / 1993 / 14119 / NO. 49, KAMPUNG KILANAS, JALAN BEBATIK KILANAS, KM. 11, JALAN TUTONG, BF2520.

19. AWANG MOHAMMED BIN TAMIN / 00-064917 K / 1993 / 14149 / NO. 12, SIMPANG 68, JALAN 64, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BERAKAS BC3115.

20. AWANG ABDULLAH BIN HAJI RAINI / 00-113938 K / 1993 / 14236 / NO. 7, SIMPANG 162-1, KAMPUNG PERPINDAHAN MENTIRI, JALAN KOTA BATU, BU 2129.

21. DAYANG HAJAH SRI RAHAYU BINTI HAJI DOLLAH / 00-257311 K / 1993 / 14294 / NO. 17, SIMPANG 15, JALAN 77, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BERAKAS BC2515.

22. AWANG MAHRI BIN HAJI MAHMUD / 00-128918 K / 1993 / 14327 / NO. 5, JALAN 33, SIMPANG 93, RPN LAMBAK KANAN, BERAKAS BC2915.

23. PENGIRAN SAMRI BIN PENGIRAN HAJI MOHAMAD TAHIR / 00-116838 K / 1993 / 14358 / NO. 8, SIMPANG 9, JALAN KECIL TARAP BAU, KAMPUNG LUPAK LUAS BJ2524.

24. PENGIRAN HAJI SUHAILI BIN PENGIRAN HAJI TENGAH / 00-121599 K / 1993 / 14403 / NO. 50, JALAN 3, RPN KAMPUNG RIMBA, GADONG BE 3119.

25. AWANG MUHAMMAD ZAILANEY BIN HJ NORDIN / 00-128103 K / 1993 / 14408 / NO. 20, KAMPUNG JAYA SETIA PERPINDAHAN BERAKAS BB2713.

26. DAYANG SITI HASLINA BINTI HAJI ABD. MANAF / 00-119403 K / 1993 / 14432 / NO. 45, JALAN DATO RATNA, KAMPUNG KIARONG BE1318.

27. PENGIRAN AZMI BIN PENGIRAN HAJI AHMAD / 00-121433 K / 1993 / 14477 / NO. 35, JALAN 11, SIMPANG 39, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN BC2915.

28 DAYANG CHE ROGAYAH BINTI AWANG HAJI SILIN / 00-110683 K / 1993 / 14480 / NO. 126, SIMPANG. 938, KAMPUNG PENGKALAN BATU, JALAN MULAUT BH1123.

29. AWANG ADANAN BIN HAJI HUSSEIN / 00-074588 K / 07463 A /1993 / 14494 / NO. 37 KAMPUNG TELAMBA TELISAI, TUTONG TC 1545.

30. AWANG IRWAN BIN HAJI IBRAHIM / 00-258352 K / 1993 / 14587 / NO. 2, SIMPANG 432, KAMPUNG SUNGAI AKAR, JALAN KEBANGSAAN LAMA BC4115.

31 DAYANG ASMAH BINTI IDRUS @ JOLIHI / 00-124507 K / 1993 / 14588 / IBU PEJABAT PERKHIDMATAN BOMBA, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB3510.

---

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

### JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM BUKIT SAWAT, DAERAH BELAIT

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Mukim Bukit Sawat untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Tanggagaji : C1 EB2 iaitu $1,990.00 hingga $2,620.00 (merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 5/1999 Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999.

**KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM**

I. Setiap calon Penghulu Mukim hendaklah:-

a. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.

c. Berugama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.

d. Berumur tidak kurang dari 40 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh pencalonannya.

e. Bermastautin di Mukim Bukit Sawat tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim hendaklah benar-benar tinggal di Mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki dimana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

f. Tidak menjadi ahli atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung didalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.

g. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian.

h. Tidak pernah diisythirkan muflis dibawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytihran muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.

i. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam ugama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

j. Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja samada di pihak Swasta / Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

II. Setiap pencalonan bagi mengisikan Jawatan Penghulu Mukim adalah dimestikan:

a. Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Belait dan ditandatangani oleh seorang pencalon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon yang berkenaan sebagai penyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya itu.

b. Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan.

c. Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.

III. Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.

IV. Pencalon dan penyokong hendaklah terdiri daripada Rakyat atau Penduduk Tetap yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

V. Pencalon dan penyokong hendaklah terdiri daripada Penduduk Mukim Bukit dan tinggal bermastautin di Kampong tersebut

VI. Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

VII. Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas titah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

VIII. Lain-lain syarat adalah tertaluk kepada Skim Perhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 [Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu Mukim].

**Cara Memohon:-**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Kampung di Jabatan Daerah Belait di talian 3334335/6/7/8 ext 115 pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisikan dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Belait **tidak lewat pada hari Sabtu, 19 Jun 2010 jam 4.30 petang.**

---

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO . LA / 58 / 2010**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Datu Abdul Rahman bin Mohidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Dayang Hajah Halimah binti Md. Sulaiman** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **22 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 24 Mei 2010

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO . LA / 65/ 2010**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Ak. Hashim bin Pg. Ismail** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Awangku Kamaluddin bin Pg Ismail yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **adik beradik** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **22 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 24 Mei 2010

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO . LA / 82 / 2010**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Siti Norfatin binti Abdullah Teoh@ Teoh Choon Boney@Jenny** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Muhammad Daniel Leong bin Abdullah Leong@Loing Sit Kean@Leong Che Chai** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Pegawai Bandar Seri Begawan pada **22 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 24 Mei 2010

**SURAT KUASA PUSAKA**
**NO . LA / 109 / 2010**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Norlinah binti Haji Ali** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **A. Haji Ali bin Haji Bakar @Haji Mohd Ali** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan pada **29 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 27 Mei 2010

**SURAT KUASA PUSAKA**
**RE-SEALING NO . / 98 / 2010**

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Datin Hajah Rahman binti Haji Md Daud** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Dato Paduka Haji Md. Daud bin Serudin** yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah **anak** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **22 Jun 2010** pada **9.30 pagi.**

Tarikh : 25 Mei 2010

**LIM CHING**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam**

**DI LEMBAGA BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
TAWARAN:
PBT/TT/01/2010-2011
MEMBAIKI DAN MENAIKTARAF
(TERMASUK MEMBUBUH ASPAL)
KAWASAN LETAK KERETA
KOMPLEKS PASARNEKA
DAN TAMU TUTONG.**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong di Negara Brunei Darussalam sahaja bagi membuat sebut harga tawaran untuk projek yang tersebut di atas bagi Jabatan Bandaran Tutong,

1. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil jabatan ini yang dialamatkan kepada:

**PENGERUSI,
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI,
BANDAR SERI BEGAWAN BB8610,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran-Tawaran mestilah dihantar **tidak lewat hari Selasa, 8 Julai 2010 dan tidak lewat jam 2.00 petang.**

3. Keterangan - Keterangan lanjut dan **borang tawaran** mengenai dengan penentuan - penentuan (specifications) bagi projek berkenaan bolehlah di perolehi **di Unit Pentadbiran dan Kewangan Pejabat Bandaran Tutong, Bahagian Bawah, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Tutong**, pada bila-bila masa waktu berkerja.

4. **Yuran Dokumen Tawaran** (Tender Fee) **$25.00** hendaklah dijelaskan semasa mengabil borang tawaran dan wang tersebut **tidak akan dikembalikan** jika sekiranya sebutharga pemborong yang diberikan bagi tawaran tersebut tidak berjaya.

5. Tawaran mestilah dimasukan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa membubuh nama pemborong disampul surat tersebut.

6. Salinan Sijil-Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan Bab 16 dan Bab 17 mestilah disertakan didalam tawaran yang dihadapkan.

7. Tawaran yang lewat diterima pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan diatas tidak akan dilayan dan dikira sebagai "tawaran rosak".

8. Setiap pemborong yang membuat tawaran projek ini dikehendaki untuk menghadapkan **tawaran asal** (original copy) mereka sahaja berserta dokumen-dokumen yang berkaitan dan menyimpan salinan tawaran tersebut bagi kegunaan mereka kemudian jika sekiranya berjaya.

---

**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/43/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY AND
DELIVER NURSE AND MIDWIFE
TEACHING DVD FOR
INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 30.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/44/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY,
DELIVER AND TRAINING RATS AND
MICE FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 30.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/45/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY, DELIVER,
INSTALL AND COMMISSION WATER
PURIFICATION SYSTEM FOR
INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 10.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/46/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY AND
DELIVER CHEMICALS AND REAGENT
FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 30.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/47/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY AND
DELIVER CONSUMABLES
FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 30.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/48/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY,
DELIVER, INSTALL AND
COMMISSION MIDWIFERY
AND NURSING FOR
INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 10.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/49/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY AND
DELIVER MPH BOOKS
FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 10.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/50/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY AND
DELIVER BOOKS
FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 10.00 [Tidak dikembalikan]

**BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/51/2010
KETERANGAN : TO SUPPLY, DELIVER
AND INSTALL OF EQUIPMENT(GROUP
B) FOR INSTITUTE OF MEDICINE,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
BAYARAN DOKUMEN & PENTADBIRAN :
$ 10.00 [Tidak dikembalikan]

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

[1] TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan [A], Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat jam 2.00 PETANG pada hari SELASA 15 JUN 2010.**

[2] Tawaran - Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

[3] Tiap - Tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

[4] Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

[5] Tawaran -Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada:

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN [A], BLOK A, TINGKAT 1
BANGUNAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

[6] Dokumen - Dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.

[7] Bayaran Dokumen & Pentadbiran [tidak dikembalikan] dan hendaklah dibayar dengan WANG TUNAI.

**Waktu menerima cagaran tawaran
adalah seperti berikut:-**

**ISNIN - KHAMIS
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
1.30 PETANG - 2.30 PETANG**

**SABTU
8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

[8] Tawaran - Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang - borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

[9] Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

[10] Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

[11] Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari **http://www.ubd.edu.bn**

---

**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSSU, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Sealsa 15 Jun 2010.**

**JPt/TAW/15/2010-2011:
MENINGKATKAN TARAF
INFRASTRUKTUR LADANG PADI LOT
SENGKUANG, DAERAH BELAIT**
Yuran Tawaran : **$2,000.00**

**JPt/TAW/16/2010-2011:
MEMBINA DAN MENINGKATKAN
JALAN LADANG BAGI KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN RAMPAYOH,
DAERAH BELAIT**
Yuran Tawaran : **$30.00**

**JPt/TAW/17/2010-2011:
SUPPLY, DELIVER AND INSTALL SIX (6)
UNITS OF MOUNTED FUME
EXTRACTION SYSTEM WITH ROUND
POLYCARBONATE HOOD TO JABATAN
PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
Yuran Tawaran : **$10.00**

Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

Dokumen-Dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolei dari **Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan**.

Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

Tenderers shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kerja Raya under **Class V or above**, eligible for carrying out works under category of **1, 2, 4b, 4d or 5b and 6c.** Tenderers shall produce proof of registration with the JKR for the said category of works **(JPt/TAW/15/2010-2011).**

Tenderers shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kerja Raya under **Class II and above**, eligible for carrying out works under category 1- Kerja-kerja Kejuruteraan Awam (Civil Engineering Works) or 4(d) parit (Drainage). Tenderers shall produce proof of registration with the JKR for the said category of works **(JPt/TAW/16/2010-2011).**

Tawaran-Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian seperti berikut :-

Website: **http//www.agriculture.gov.bn**

---

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG -PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV, V & VI SAHAJA. KATEGORI 4g/M03, 5i/KPB06, 6f & 6g/ P05 DAN 7a/E01 SAHAJA**

Tarikh mengambil dokumen tawaran : Diubah kepada **5 Jun 2010.**

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :**Diubah kepada tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 15 Jun 2010.**

**Tarikh tutup : Diubah kepada Hari Selasa, 29 Jun 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DOR/SRM 31 / 2010
Tajuk Projek :
PEMELIHARAAN SISTEM LAMPU-LAMPU
ISYARAT DAN PUSAT KAWALAN
LALULINTAS JKR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
Jumlah Yuran Tawaran : **$500.00** (tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG -PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV, V DIBAWAH KATEGORI 5j SAHAJA**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
**Hari Selasa, 14 Jun 2010.**
**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 29 Jun 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran :
JKR/DME/16/BPB/2010
Tajuk Projek :
REPLACEMENT OF AIR
CONDITIONING SYSTEM AT SUPREME
COURT AND SYARIAH COURT
BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN**
Nombor projek: **BPB/AM 159**
Yuran Tawaran : **$30.00**
(tidak dikembalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG -PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III DIBAWAH KATEGORI 3**

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
**Hari Selasa, 15 Jun 2010**
**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 29 Jun 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran : JKR/DDGKB 021/2010
Tajuk Projek :
MEMBERSIH PAIP PEMBETUNGAN DI
KAWASAN KUALA
BELAIT DAN SERIA**
Nombor projek : **2010ADKB/K26050-01**
Yuran Tawaran : **$50.00**
(tidak dikembalikan)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG -PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III DIBAWAH KATEGORI 3

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
**Hari Selasa, 15 Jun 2010.**
**Tarikh Tutup : Hari Selasa, 29 Jun 2010, tidak lewat jam 2.00 petang.**

**Bilangan Tawaran : JKR/DDGKB 020/2010
Tajuk Projek :
MENGENDALI DAN MEMELIHARA
STESEN-STESEN PAM
PEMBENTUNGAN DI RANCANGAN
PERUMAHAN NEGARA
KAMPUNG LUMUT**
Nombor projek: **2010ADKB/K26050-02**
Yuran Tawaran : **$50.00**
(tidak dikembalikan)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-Dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrek, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

# BERSAING BERSUNGGUH-SUNGGUH

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto :
Haji Masamaleh Haji Mohd. Ali

> "DENGAN penerbangan awal itu para atlet akan mengambil kesempatan untuk melihat serta membiasakan diri dengan 'venue-venue' pertandingan."
>
> - Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke SUKMA, Melaka Ke-13, Awang Haji Rosmadee bin Haji Md. Daud



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia Ke-13 (SUKMA), Melaka bergambar ramai sejurus sebelum berangkat meninggalkan negara ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Jun. - Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia Ke-13 (SUKMA) Melaka, Awang Haji Rosmadee mengingatkan para atlet supaya menjaga nama baik negara dan bersaingan dengan bersungguh.

Selain itu beliau juga mengingatkan para atlet supaya mengingati ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair semasa penyerahan bendera negara beberapa hari lalu supaya mematuhi disiplin yang telah ditetapkan semasa berada di luar negara.

Beliau membuat peringatan tersebut semasa mengucapkan selamat belayar kepada penerbangan pertama atlet-atlet negara SUKMA Ke-13 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Katanya, dengan penerbangan awal itu para atlet akan mengambil kesempatan untuk melihat serta membiasakan diri dengan *venue-venue* pertandingan.

Rombongan awal yang berlepas meninggalkan negara terdiri daripada pasukan wushu, karatedo dan pencak silat.

Dalam acara wushu, penyertaan atlet negara di kejohanan ini merupakan kali yang pertama dan buat julung-julung kalinya telah menghantar dua orang atlet di bawah bimbingan seorang jurulatih.

Awang Abd. Rahim Johari yang merupakan salah seorang atlet dalam acara wushu ini berharap penyertaannya ke SUKMA ini bakal membawa pulang pingat untuk negara sekali- pun baru sebulan mengikuti latihan secara konsisten.

Manakala atlet karatedo, Awang Md. Nabil Abd. Malik berharap penyertaannya kali ini akan dapat menebus kekecewaannya dua tahun lalu apabila berjaya memungut pingat perak.

Beliau juga menaruh harapan kepada rakan-rakan sepasukannya supaya menanamkan semangat juang yang tinggi ke arah meraih kejayaan dan terpulanglah kepada individu untuk menterjemahkannya.

## Berusaha beri saingan



KETUA Urus Setia Kontinjen Negara Brunei ke SUKMA Ke-13, Awang Haji Md. Rosfazillah bin Haji Yusly menjelaskan mengenai persiapan kontinjen negara menghadapi kejohanan tersebut yang akan berlangsung di minggu kedua bulan ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Jun. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam akan berusaha sedaya upaya untuk memberi saingan kepada mana-mana kontinjen di Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-13 bagi memperoleh seberapa banyak pingat yang mungkin di sepanjang kejohanan tersebut.

Berdasarkan kepada latihan yang telah dijalankan dan diaturkan oleh jurulatih-jurulatih sebelum menyertai sukan ini sememangnya kontinjen negara pasti akan menempuhi saingan namun akan tetap bekerja keras serta berusaha sedaya upaya untuk memperolehi pingat sekali gus mengharumkan nama negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Urus Setia Kontinjen Negara Brunei ke SUKMA, Awang Haji Md. Rosfazillah bin Haji Yusly semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI mengenai persiapan kontinjen negara menghadapi kejohanan tersebut yang akan berlangsung di minggu kedua bulan ini.

Katanya, melalui acara-acara sukan yang akan disertai itu memang terdapat beberapa atlet yang mempunyai pengalaman, di samping penyerapan atlet-atlet baru.

"Dengan adanya gabungan ini mudah-mudahan akan dapat meningkatkan lagi mutu sukan di negara ini dan dengan penyerapan atlet-atlet muda itu nanti secara langsung menjadi batu loncatan bagi mereka untuk menyertai kejohanan yang lebih berprestij di masa akan datang," ujar beliau.

Menyentuh acara pilihan yang bakal menyumbang pingat di temasya itu nanti beliau menjelaskan bahawa sememangnya kesemua acara yang disertai berpeluang untuk memperolehi sebarang pingat berdasarkan kriteria pemilihan dari jawatankuasa kebangsaan penilaian dan pemilihan sukan.

Menyebut tentang pemilihan atlet, Awang Haji Md. Rosfazillah menerangkan bahawa ia dilakukan beberapa bulan yang lalu berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh jawatankuasa kebangsaan penilaian dan pemilihan sukan yang tertumpu kepada beberapa faktor seperti *fitness,* disiplin, potensi untuk meraih pingat, potensi semasa mengikuti latihan selain mempunyai pengalaman dan prestasi baik juga merupakan sebagai salah satu kelebihan untuk menyertai kejohanan ini.

Ketika ditanya mengenai penyerapan beberapa acara baru dalam temasya ini seperti *petanque,* terjun cantik, skuasy dan wushu yang tidak mempunyai rekod pengalaman di temasya ini, beliau menerangkan bahawa ia dipilih berdasarkan kepada pencapaian mereka pada kejohanan yang dianjurkan dalam negara seperti Sukan Borneo dan BIMP-EAGA setelah menampilkan prestasi yang baik dan berjaya meraih pingat.

Selain itu jelasnya, mereka juga telah lulus dalam ujian-ujian yang telah ditetapkan dan menepati kriteria yang dikehendaki.

Penyertaan negara selaku pasukan jemputan di temasya ini merupakan kali ke-7 sejak yang pertama pada tahun 1996 semasa sukan tersebut berlangsung di negeri Pahang.

Kontinjen negara akan menghantar seramai 104 peserta terdiri daripada atlet, pegawai urus setia dan teknikal dan menyertai 13 acara daripada 33 acara yang dipertandingkan di Melaka nanti.

## Awang Abd. Wafi berazam rangkul pingat acara *petunque*

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Jun. - Peserta tunggal negara bagi acara *petunque* di Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-13 bakal mempamerkan aksi yang terbaik dan berazam untuk merangkul pingat bagi negara.

Awang Abd. Wafi, 22, merupakan salah seorang pemenang tempat ketiga acara bertiga di kejohanan *Pan Pacific* di Republik Singapura, April lalu ingin mengotakan janji tersebut apabila mengikuti jadual latihan yang diaturkan oleh jurulatihnya dengan bersungguh-sungguh.

Awang Abd. Wafi yang ditemui semasa menjalani latihan nyata akur dengan arahan yang diberikan oleh jurulatihnya dari Thailand, Somsak Juychunprasert.

Semasa ditemu bual beliau menyatakan perasaan gembira apabila terpilih untuk mewakili negara dan kesempatan ini katanya perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, apatah lagi penyertaannya dan penyertaan negara dalam acara ini adalah yang pertama.

"Harapan saya, buat yang terbaik dan bawa pingat untuk negara," ujar beliau dengan yakin.

Ketika menceritakan pengalamannya, Awang Abd. Wafi menerangkan bahawa beliau, mula bergiat dalam acara sukan ini sejak 1997 setelah didorong dan diperkenalkan oleh kawannya.

Sejak itu minatnya mula tumbuh dan merasakan sukan ini sesuai untuk dirinya kerana ianya sangat mencabar khususnya dalam mengawal emosi dan konsentrasi.

Dengan kehadiran jurulatih dari Thailand sejak satu tahun lebih itu katanya, beliau merasakan banyak pengetahuan khususnya dari segi mutu permainan dan teknik diperolehi jika dibandingkan sebelumnya.

Awang Abd. Wafi yang akan beraksi dalam acara *single* dan *shooting* seterusnya berazam akan mengembangkan sukan ini kepada orang ramai di masa hadapan.

Sementara jurulatihnya, Somsak Juychunprasert ketika ditanya tentang prestasi anak didiknya itu menerangkan bahawa Awang Abd. Wafi telah banyak menunjukkan peningkatan khususnya dalam prestasi bermain sekalipun mereka hanya menjalani latihan dalam beberapa bulan lalu.

Dengan peningkatan ini beliau berharap agar Awang Abd. Wafi akan menampilkan yang terbaik semasa beraksi di SUKMA nanti dan memperoleh sebarang pingat sekalipun pada pandangannya jangka waktu latihan itu masih belum cukup.

Beliau berharap Awang Abd. Wafi bakal memberi saingan yang sengit sekalipun peserta lain juga membuat persiapan yang rapi.

Antara pasukan yang bakal memberi saingan yang kencang katanya, ialah Terengganu, Kelantan dan pasukan tuan rumah Melaka.



SEBELUM berlepas meninggalkan negara ini para atlet negara ke SUKMA Ke-13 yang diketuai oleh Ketua Kontinjennya, Awang Haji Rosmadee sama-sama berdoa memohon semoga perjalanan dan penyertaan mendapat kejayaan.

## Pesilat negara impikan aksi cemerlang di SUKMA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Jun. - Sepuluh orang pesilat negara bakal mempamerkan aksi cemerlang di Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-13 apabila bertekad untuk membawa pulang kemenangan.

Pasukan silat negara yang dibarisi oleh atlet-atlet muda dan baru ini telah mengikuti sesi latihan sejak tahun lepas dan diikuti dengan latihan bersistematik ketika saat-saat menempuh kejohanan di Melaka ini.

Jurulatih Awang Mohd. Nazri semasa ditemui menjelaskan bahawa prestasi atlet negara ketika menempuh kejohanan ini berada di tahap yang baik malah sejak mengikuti latihan yang berterusan mendapati peningkatan prestasi mereka yang ketara khususnya dari segi *fitness*.

Tambahnya lagi, sebagai ujian kepada pesilat-pesilat ini mereka telah mengadakan beberapa sesi uji cuba dengan beberapa buah pasukan di negara ini seperti pasukan PSK Daerah Temburong dan PSK RBA selain pasukan-pasukan yang lain.

Dalam ujian tersebut jelasnya mereka telah mempamerkan prestasi yang baik sekali gus telah mengajar mereka untuk mempersiapkan diri dan mental untuk bertanding di SUKMA nanti.

Dalam hubungan ini beliau berharap pesilat-pesilat ini akan terus mempamerkan yang terbaik dan menterjemahkan kemahiran mereka dengan sebaik-baiknya demi mengharumkan nama negara.

Menyentuh tentang teknikal penghakiman seperti yang berlaku dua tahun lalu di Terengganu beliau berharap selaku pasukan jemputan, pihak teknikal akan melakukan yang terbaik dan beliau percaya kepada penganjur tuan rumah.



JURULATIH silat, Awang Mohd. Nazri berharap pesilat-pesilat negara akan terus mempamerkan yang terbaik dan menterjemahkan kemahiran mereka dengan sebaik-baiknya demi mengharumkan nama negara.

# Berkenan menerima mengadap Duta Filipina, China

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Siti Zuraihah Awang Sulaiman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Min Yongnian, di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China yang baru ke negara ini.

TYT telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 Mei 2010.

Sementara itu pada Sabtu, 5 Jun, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina, yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya ke negara ini.

Pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, TYT Alexander Badong Yano, yang telah berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak ke negara ini sejak 6 Ogos 2009.

TYT, 56, sebelum ini berkhidmat dengan angkatan tentera negara tersebut dan terakhir memegang jawatan selaku Ketua Turus Angkatan Tentera Republik Filipina.

TYT telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Ogos 2009.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alexander Badong Yano yang menamatkan perkhidmatannya (atas) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Min Yongnian (bawah). - Foto : Masri Osman.

# *The Queen's Baton 2010 Delhi* kini berada di Brunei

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Larian *Queen's Baton* 2010 Delhi di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Majlis adalah bagi mengalu-alukan ketibaan *The Queen's Baton 2010 Delhi* bersama delegasi dari Persekutuan Sukan Komanwel terdiri daripada Puan Priyanka Negi selaku ketua delegasi, Tuan Louis Rosa, Tuan Asish Maitra dan Puan Alka Lamba.

Larian Queen's Baton 2010 Delhi berlangsung hari ini bermula dari Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) ketika menerima *The Queen's Baton Relay 2010 Delhi* daripada Puan Priyanka Negi selaku ketua delegasi, sambil diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Ramli Tengah.

## Jalinan akrab, kerjasama semua agensi kerajaan suatu kemestian

Dari muka 1

Menegaskan demikian semasa berucap dalam lawatan kerja ke Pejabat Daerah dan Pejabat Bandaran Tutong yang diadakan di sini, Yang Berhormat selanjutnya berkata oleh itu pejabat-pejabat daerah setentunya akan sentiasa menjalin hubungan akrab dengan semua agensi- agensi kerajaan yang ada di setiap daerah.

Dalam hubungan ini, tegas Yang Berhormat, kita yang diaturkan berkhidmat di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) setentunya akan sama-sama memberikan khidmat dan kepimpinan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di mukim-mukim dan di kampung-kampung khasnya dan seterusnya untuk keselamatan serta keamanan negara amnya.

"Sukacita menegaskan lagi bahawa pejabat-pejabat daerah adalah berada di barisan hadapan KHEDN dalam mengalinga hal ehwal orang ramai di daerah masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pejabat-pejabat daerah mempunyai para pegawai dan kakitangan untuk menjalankan urus tadbir daerah dalam bidang-bidang hal ehwal dalam negeri yang dtentukan khasnya hal ehwal mukim dan kampung dengan dibantu oleh para penghulu dan ketua kampung yang dipilih oleh orang ramai.

Kedua-dua unsur ini, pejabat-pejabat daerah dan penghulu dan ketua-ketua kampung, jelas Yang Berhormat lagi adalah unsur kepimpinan di peringkat akar umbi.

Kerana itu orang ramai-rakyat dan penduduk, tegas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudah selayaknya menaruh harapan dan menjangkakan kepimpinan serta khidmat yang terbaik daripada pejabat-pejabat daerah dan penghulu-penghulu serta ketua-ketua kampung khasnya dan KHEDN amnya.

"Itulah peranan utama kita dalam berkhidmat di bawah KHEDN: memberikan kepimpinan dan khidmat kepada orang ramai sambil menjalin hubungan yang akrab dengan badan-badan setempat dan individu-individu yang dapat menyumbang dalam menjayakan misi dan visi KHEDN," jelas Yang Berhormat.

Apa pun, tegas Yang Berhormat, dalam pelaksanaannya, kita tentu sahaja akan bersama-sama dengan agensi-agensi lain dalam kerajaan, kerana setiap agensi itu walupun sedia dengan peranan masing-masing namun dalam hal tertentu ianya berkaitan langsung dengan kemudahan awam di kampung dan di mukim seperti masjid, jalan raya, sekolah, pusat kesihatan dan sebagainya.

Dalam hal-hal tertentu, tambah Yang Berhormat lagi, kita sentiasa berurusan dengan agensi-agensi kerajaan di daerah-daerah dalam urusan tertentu seperti yang berkaitan dengan tanah untuk projek pembangunan yang kita rancangkan.

Terdahulu Yang Berhormat mendengar taklimat berhubung dengan struktur organisasi dan fungsi setiap bahagian yang terdapat di Jabatan Daerah Tutong yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Selepas mendengar taklimat Yang Berhormat berserta rombongan melawat ke bahagian-bahagian JDT dan Pejabat Bandaran Tutong. Juga menyertai rombongan Yang Berhormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi.

> ***" PEJABAT-PEJABAT daerah adalah berada di barisan hadapan KHEDN dalam mengalinga hal ehwal orang ramai di daerah masing-masing. "***
>
> **- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri**



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa melawat Pejabat Daerah/ Pejabat Bandaran Tutong. - Foto : Aryentty Haji Ariffin.**

## 'BERSAMA MENGARKIBKAN REKOD'

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.